



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

i

ANALISIS METAFORA DALAM *SAMPI IBAN*

SARIPAH ANAK BANSENG



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA (BAHASA IBAN)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis unsur yang membentuk bahasa kiasan metafora dalam struktur *sampi*. Berasaskan pendekatan secara kualitatif, kaedah deskriptif digunakan untuk mengkaji dua buah mantera perhumaaan (*sampi umai*) yang diambil dari buku *Sampi Enggau Biau*. Analisis kandungan digunakan untuk menerangkan pembinaan struktur dan bahasa kiasan metafora dalam *sampi*. Dapatan kajian menunjukkan lapisan bahasa yang terkandung dalam pendahuluan *sampi* ialah seruan permulaan, bertabik dan pengenalan diri. Lapisan bahasa yang terdapat dalam bahagian isi pula ialah tujuan, seruan, persembahan sajian (*piring*), suruhan dan dialog dengan *Petara* (Dewa-dewi). Pada bahagian penutup *sampi* terkandung lapisan bahasa doa restu manakala struktur *sampi* menggunakan ayat seruan, ayat penyata, ayat tanya dan ayat perintah. Unsur yang terdapat dalam bahasa kiasan metafora terdiri daripada unsur alam dan bukan alam. Unsur alam terdiri daripada unsur tumbuhan, haiwan dan manusia, manakala unsur bukan alam pula terdiri daripada bahan ciptaan manusia. Unsur-unsur ini digunakan untuk menyatakan warisan tradisi, merendahkan diri, persembahan sajian (*piring*), kehebatan perwira, kecantikan wanita dan hasil padi. Implikasi kajian ini mendapati lapisan bahasa berupaya menjadi landasan kepada pengamal melafazkan *sampi* tanpa bantuan pakar. Pengamal juga mampu mengenal pasti jenis ayat yang digunakan dalam mengucapkan kata-kata *sampi* berdasarkan lapisan bahasa tersebut. Penggunaan unsur alam dan bukan alam dalam bahasa kiasan metafora menambahkan pengetahuan pengamal tentang kemahiran berbahasa.





ANALYSIS OF METAPHOR IN THE IBAN *SAMPI*

ABSTRACT

This study aims to analyse elements that construct the figurative language of metaphor in the structure of the *sampi*. Based on qualitative approach, descriptive method was used to examine two paddy cultivation prayers (*sampi umai*) which were taken from a book entitled *Sampi Enggau Biau*. Content analysis was used to explain the structure as well as the construction of metaphor in the *sampi*. Results showed that the strata of language in the introduction of the *sampi* are initial calls, extending greeting and self-declaration. The language strata in the body of the *sampi* containing purpose, calling, offering presentation (*piring*), commanding and dialogue with the gods (*Petara*). The closing section contains blessing prayer while the structure of the *sampi* consists of exclamation sentence, declarative sentence, interrogative sentence and imperative sentence. Elements that can be found in the figurative language of metaphor consists of nature and non-nature elements. These elements were used to symbolise the inheritance of tradition, humbleness, offering presentation (*piring*), the greatness of the warrior, the beauty of woman, crowds and the harvest of paddy. The implication of this study shows that strata of language could be a platform to practitioner to chant the *sampi* without the help of an expert. Practitioner can also identify type of sentences used in *sampi* based on that strata of language. The use of nature and non-nature elements in the metaphor enhances practitioner's knowledge on using the language.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PENGAKUAN	ii
------------------	----

PENGHARGAAN	iii
--------------------	-----

ABSTRAK	iv
----------------	----

ABSTRACT	v
-----------------	---

KANDUNGAN	vi
------------------	----

SENARAI JADUAL	x
-----------------------	---

SENARAI RAJAH	xi
----------------------	----

SENARAI LAMPIRAN	xii
-------------------------	-----

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
----------------	---

1.2 Latar Belakang Kajian	5
---------------------------	---

1.2.1 Gambaran Alam dalam Kosmos Iban	6
---------------------------------------	---

1.2.2 Folklor dalam Aktiviti Perhumaan	8
--	---

1.2.3 Perayaan Ritual Perhumaan dalam Masyarakat Iban	13
---	----

1.3 Pernyataan Masalah	16
------------------------	----

1.4 Objektif Kajian	18
---------------------	----

1.5 Soalan Kajian	18
-------------------	----



1.6	Batasan Kajian	19
1.7	Kepentingan Kajian	19
1.8	Definisi Istilah	20
1.8.1	Struktur	21
1.8.2	Ayat	21
1.8.3	Metafora	22
1.8.4	<i>Sampi</i>	22
1.8.5	Teori Sistemik-Fungsional	22
1.8.6	Teori Linguistik Kognitif Lakoff-Johnson	23
1.9	Kerangka Teori	24
1.10	Kesimpulan	28

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	29
2.2	Kajian Tradisi Lisan di Nusantara, Sabah dan Sarawak	31
2.3	Kajian Maksud Tersirat	42
2.4	Kesimpulan	46

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	47
3.2	Reka Bentuk Kajian	47
3.3	Sumber Data	49
3.4	Instrumen Kajian	50
3.4.1	Analisis Kandungan	50
3.5	Penganalisan Data	51
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	52

3.7	Carta Gantt Penyelidikan	53
-----	--------------------------	----

3.8	Kesimpulan	53
-----	------------	----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	54
-----	------------	----

4.2	Lapisan Bahasa dalam Struktur <i>Sampi</i>	55
-----	--	----

4.2.1	Lapisan Bahasa dalam Bahagian Pendahuluan <i>Sampi</i>	55
-------	--	----

4.2.1.1	Seruan Permulaan	56
---------	------------------	----

4.2.1.2	Bertabik	57
---------	----------	----

4.2.1.3	Pendakwaan Diri	57
---------	-----------------	----

4.2.2	Lapisan Bahasa dalam Bahagian Isi <i>Sampi</i>	58
-------	--	----

4.2.2.1	Tujuan	59
---------	--------	----

4.2.2.2	Seruan	60
---------	--------	----

4.2.2.3	Pernyataan Persembahan Santapan	61
---------	---------------------------------	----

4.2.2.4	Suruhan	62
---------	---------	----

4.2.2.5	Dialog dengan <i>Petara</i>	63
---------	-----------------------------	----

4.2.3	Lapisan Bahasa dalam Bahagian Penutup <i>Sampi</i>	65
-------	--	----

4.3	Ungkapan yang Membina Struktur <i>Sampi</i>	66
-----	---	----

4.4	Unsur yang Membina Maksud Tersirat dalam <i>Sampi</i>	69
-----	---	----

4.4.1	Warisan Tradisi	69
-------	-----------------	----

4.4.2	Merendahkan Diri	71
-------	------------------	----

4.4.3	Persembahan Sajian (<i>Piring</i>)	71
-------	--------------------------------------	----

4.4.4	Kehebatan Perwira	72
-------	-------------------	----

4.4.5	Kecantikan Wanita	73
-------	-------------------	----

4.4.6	Kehadiran Orang Ramai	74
-------	-----------------------	----

4.4.7	Keberhasilan Padi	75
-------	-------------------	----



4.5	Kesimpulan	75
-----	------------	----

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	77
-----	------------	----

5.2	Perbincangan Kajian	78
-----	---------------------	----

5.2.1	Lapisan Bahasa dalam Struktur <i>Sampi</i>	78
-------	--	----

5.2.2	Ungkapan yang Membina Struktur <i>Sampi</i>	86
-------	---	----

5.2.3	Unsur yang Membina Maksud Tersirat dalam <i>Sampi</i>	89
-------	---	----

5.3	Rumusan Kajian	93
-----	----------------	----

5.3.1	Lapisan Bahasa <i>Sampi</i>	93
-------	-----------------------------	----

5.3.2	Jenis Ayat <i>Sampi</i>	94
-------	-------------------------	----

5.3.3	Unsur dalam Bahasa Kiasan Metafora <i>Sampi</i>	95
-------	---	----



5.4	Sumbangan Kajian	95
-----	------------------	----

5.5	Implikasi Kajian	96
-----	------------------	----

5.6	Cadangan Kajian Seterusnya	98
-----	----------------------------	----

5.7	Kesimpulan	99
-----	------------	----

RUJUKAN		102
----------------	--	-----

LAMPIRAN		110
-----------------	--	-----





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
4.1	Lapisan Bahasa Pengenalan Diri dalam <i>Sampi</i>	58
4.2	Lapisan Bahasa Tujuan dalam <i>Sampi</i>	59
4.3	Lapisan Bahasa Seruan dalam <i>Sampi</i>	60
4.4	Lapisan Bahasa Suruhan dalam <i>Sampi</i>	62
4.5	Lapisan Bahasa Dialog Dengan <i>Petara</i> dalam <i>Sampi</i>	64
4.6	Lapisan Bahasa Doa Restu dalam <i>Sampi</i>	65
4.7	Jenis Ayat dalam Lapisan Bahasa <i>Sampi</i>	66
5.1	Ringkasan Lapisan Bahasa dalam Struktur <i>Sampi</i>	79
5.2	Jenis Ayat dalam Struktur <i>Sampi</i>	86





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1 Kerangka Teori

27

3.1 Carta Gantt Penyelidikan

53





SENARAI LAMPIRAN

- A *Sampi Mudas* (Mantera Sesudah Membakar) Oleh Ben Anak Asit
- B *Sampi Gawai Benih / Nurunka Benih* (Mantera Gawai Benih) Oleh Migang Anak Megang
- C Contoh Pengkodan Terbuka
- D Contoh Pengkodan Substantif





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Sebelum kewujudan sistem tulisan, kebudayaan, adat resam dan kepercayaan diturunkan secara lisan sejak turun-temurun sehingga menjadi tradisi lisan. Budaya, adat dan tradisi lisan ialah pesan atau kesaksian yang disampaikan secara turun-temurun dari satu generasi ke generasi berikutnya melalui komunikasi tradisional (Aryal, 2009) dan disampaikan secara lisan dalam bentuk pantun, cerita rakyat, nasihat, balada, lagu atau peribahasa. Masyarakat dapat menyampaikan sejarah lisan dan pengetahuan lain kepada generasi seterusnya melalui cara ini tanpa melibatkan bahasa tulisan. Antara masyarakat peribumi yang mempunyai tradisi lisan tersendiri ialah suku kaum Iban.





Suku kaum Iban merupakan etnik terbesar dengan populasi sebanyak 30.3% daripada 2.7 juta penduduk di Sarawak (Bancian 2010, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2015). Kaum ini tinggal di rumah panjang yang kebanyakannya terletak di kawasan pedalaman tanah rendah dan persisiran sungai. Kehidupan suku kaum Iban sebelum kedatangan British ialah berburu, bercucuk tanam dan menangkap ikan. Mereka berpindah randah dari satu tempat ke tempat yang lain (Lockard & Saunders, 1992). Tradisi lisan kaum Iban diamalkan secara turun temurun. Salah satu komponen tradisi lisan dalam komunikasi suku kaum Iban ialah puisi tradisional.

Puisi tradisional suku kaum Iban dikenali sebagai *leka main*, merangkumi tiga kategori iaitu kategori Hiburan, Adat Resam dan Budaya serta Invokasi. Kategori Hiburan digunakan untuk menggembirakan hati dan bergurau senda. Antara puisi tradisional yang digunakan untuk berhibur ialah *Entelah* (teka-teki), *Dungai* (puisi menghibur hati), *Ganu* (puisi gurauan), *Leka Timang* (puisi pujian), *Ramban* (puisi kasih sayang), *Renong* (puisi naratif peperangan), dan *Sugi* (puisi epik).

Selain itu, puisi tradisional suku kaum Iban juga berkait dengan adat resam dan kebudayaan. Adat resam merupakan peraturan yang menjadi amalan sejak turun temurun manakala budaya membawa maksud peradaban atau tamadun (Norhuda Salleh, 2014). Antara puisi tradisional Iban dalam Adat Resam dan Budaya ialah *Ai Anshah* (puisi menjemput tetamu untuk berucap), *Leka Geliga* (kata-kata nasihat sebelum memulakan sesuatu majlis), dan *Nanya Indu* (adat merisik).





Invokasi merupakan permohonan, biasanya kepada Tuhan, untuk mendapatkan pertolongan atau perlindungan (Tana Showren, 2014). Dalam tradisi lisan Invokasi ialah amalan untuk memohon sesuatu atau permintaan dalam bentuk doa dan mantera. *Pengap* (invokasi kepada Dewa-dewi), *Sabak* (nyanyian ratapan kematian), *Pelian* (ritual penyembuhan), *Biau* (doa ritual yang diiringi dengan persembahan santapan) dan *Sampi* (mantera) merupakan contoh puisi tradisional suku kaum Iban yang terdiri dalam kategori Invokasi.

Kajian ini dilaksanakan dengan meneliti struktur dan bahasa kiasan metafora yang digunakan dalam kategori invokasi *sampi*. Sehubungan itu, lapisan bahasa yang terdapat dalam struktur *sampi* dikenal pasti dan ayat-ayat yang digunakan dalam struktur *sampi* tersebut juga turut dikaji. Akhir sekali, unsur yang membentuk bahasa kiasan metafora dianalisis. Kajian ini dijalankan untuk membantu generasi kini memahami salah satu puisi tradisional suku kaum Iban yang semakin terpinggir. Sandai (2011) menyatakan para guru masih kekurangan pengetahuan terhadap pengajaran sastera Iban di sekolah. Justeru kajian ini diteruskan agar dapat membantu para guru meluaskan pemahaman mereka dalam pengajaran sastera Bahasa Iban di sekolah terutamanya dalam *sampi*.

Bagi suku kaum Iban, *sampi* atau mantera ialah kepercayaan asal yang diucapkan melalui permohonan doa kepada *Petara* (dewa-dewi), *Bunsu-bunsu Antu Manah* (entiti atau spirit yang baik) dan roh saudara mara atau nenek moyang (Robert Menua Saleh & Janang Ensiring, 2001). Mantera merupakan puisi lama yang mengandungi unsur magis dan bersifat sakral (Welly Setiawan, 2014). Kata-kata lain seerti dengan mantera ialah





brahma yang bermaksud ayat-ayat suci seperti doa, *stawa* (lagu pujian) dan *stuti* iaitu perbuatan pemujaan kepada Tuhan (G. Pudja dalam Mulyana, 2005).

Kajian ini menyelidiki dua buah *sampi* yang diamalkan di dalam aktiviti berhuma dan semasa perayaan perhumaan (rujuk Lampiran A - B). Selepas menebang dan membersihkan kawasan huma, *Sampi Mudas Di Umai* (rujuk Lampiran A) akan dilafazkan. *Sampi Mudas Di Umai* ialah mantera untuk memberkati kawasan huma sesudah aktiviti membakar. *Sampi* ini dilakukan setelah mendengar bunyi burung *Beragai*, salah satu Burung Kihanatan dalam sistem Auguri suku kaum Iban (Sandin, 1980). Pengamal *sampi* menyeru para dewa atau *Petara* agar memberkati padi yang hendak ditanam serta meminta mereka menjadi saksi dalam aktiviti tersebut.



Apabila anak padi tumbuh, suku kaum Iban mula membersihkan rumput. Semasa aktiviti ini, suku kaum Iban menjaga padi mereka dari gangguan makhluk perosak. Sekiranya gangguan ini menjadi semakin teruk, *Gawai Umai* (Gawai Huma) diadakan (Sandin, 1980). Dalam upacara tersebut, suku kaum Iban juga memilih benih baru untuk tahun berikutnya yang mana *Sampi Gawai Benih / Nurunka Benih* (Rujuk Lampiran B) iaitu mantera untuk memilih benih padi yang hendak ditanam dilafazkan. Benih padi yang dipilih diberkati terlebih dahulu dalam *sampi* tersebut agar *Petara* (Dewa-dewi) memberi rezeki yang banyak untuk musim menuai yang akan datang.

Kata-kata *sampi* yang diucapkan oleh *lemambang* iaitu pengamal *sampi* berbeza mengikut daerah dan tempat masing-masing. Namun demikian, ungkapan yang





dilafazkan mempunyai ciri-ciri yang hampir sama ekor kepercayaan mereka terhadap para Dewa-dewi (*Petara*), entiti dan roh. Selain itu, tujuan mereka memohon doa ialah untuk meminta keberkatan dan kemakmuran dalam hidup masing-masing.

Bagi membincangkan secara terperinci, bab ini meliputi latar belakang kajian termasuklah gambaran kosmos Iban, folklor suku kaum Iban dan aktiviti perhumaan serta perayaan ritual perhumaan. Turut dimuatkan ialah pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian diikuti definisi istilah dan kerangka teori.

1.2 Latar Belakang Kajian



Sarawak merupakan negeri terbesar di Malaysia dengan etnik terbesar ialah suku kaum Iban yang mendiami kawasan-kawasan pendalaman dan sepanjang hulu-hulu sungai di negeri Sarawak. Kehidupan serta kepercayaan mereka dipengaruhi sepenuhnya oleh kejadian-kejadian di sekeliling mereka. Mereka mempercayai bunyi burung boleh memberi amaran baik mahupun tidak. Mereka juga mempercayai kewujudan Dewa Tanah, *Simpulang Gana* dan para dewa lain yakni *Petara* (Sandin, 1980). Pengaruh kepercayaan ini dilihat melalui gambaran alam dalam kosmos Iban yang kemudiannya boleh dilihat dalam folklor perhumaan suku kaum Iban diikuti dengan upacara ritual perhumaan suku kaum Iban.





1.2.1 Gambaran Alam dalam Kosmos Iban

Setiap kumpulan manusia mempunyai kepercayaan warisan tersendiri yang mungkin diturun-temurunkan dari zaman nenek moyang. Kepercayaan ini membentuk cara masyarakat menggambarkan kosmos atau alam masing-masing. Bagi suku kaum Iban, mereka mempercayai bahawa ada kuasa luar biasa wujud di dunia ini yang dikenali sebagai *Petara* (dewa-dewi). Konsep *Petara* (dewa-dewi) ini diturunkan dari generasi ke generasi dan disesuaikan dengan dunia atau alam (kosmologi) suku kaum Iban. Gambaran alam dalam kosmos Iban menurut Asmah Haji Omar (2012) adalah *Dunya di atas langit* (Dunia di atas langit), *Tisau langit* (Dunia di tepi langit), *Dunya di baruh langit* (Dunia di bawah langit), *Dunya di dalam bumi* (Dunia di dalam bumi) dan *Menua sebayan* (Alam roh).



Dunia di atas langit merupakan bahagian paling utama dan mempunyai tujuh lapis pintu yang setiap pintunya dikawal untuk melindungi dari diperangi oleh orang di bumi (Asmah Haji Omar, 2012). Lapisan yang paling atas yakni lapisan ketujuh didiami oleh Raja Bintang Tujuh atau Bintang Banyak yang juga pemerintah langit bersama anak daranya, Bintang Tiga. Bintang Tiga dan Bintang Tujuh dijadikan panduan bagi orang Iban memulakan kerja berhumu. Para Dewa Iban tujuh beradik juga tinggal di bahagian ini iaitu *Sengalang Burung* (Dewa Perang), *Raja Menjaya* (Dewa Perubatan), *Raja Simpulang Gana* (Dewa Tanah), *Raja Biku Bunsu Petara* (Dewa Segala Sumber), *Raja Selempandai / Selempeta / Selempetoh* (Dewa Pencipta), *Raja Anda Mara* (Dewa Kekayaan) dan *Ini Inda / Ini Inee / Ini Andan* (Dewi Keadilan) juga tinggal di bahagian





ini. Keadaan geografi di bahagian ini berbukit-bukau, mempunyai huma, hutan, sungai, tempat permandian serta rumah panjang. Penduduknya mempunyai persamaan dari segi bentuk fizikal, adat-istiadat, sistem kepercayaan, dan cara hidup. Masyarakat di sini boleh berhubung dengan alam lain.

Bahagian kedua ialah *Tisau langit* (Asmah Haji Omar, 2012). Sebagai lapisan pengantara bagi bahagian dunia di atas dan di bawah langit, *Tisau langit* harus ditempuh dalam perjalanan dari langit ke bumi dan sebaliknya. Bahagian ini juga disebut ufuk langit atau tepi langit atau kaki langit. Bahagian ini terdapat awan putih (*remang*), ‘lubang ujan’, ‘lubang angin’ dan ‘lubang kilat’ yang mempunyai muara masing-masing. Di bahagian ini juga dipercayai Raja Kilat, Raja Petir dan Raja Ujan berkuasa menurunkan kilat, petir dan hujan melalui muara masing-masing.



Bahagian ketiga ialah Dunia di bawah langit (Asmah Haji Omar, 2012). Keadaan geografi di bahagian ini menyamai dunia di atas langit. Para pahlawan Iban, penduduk dari Panggau Libau yang dikenali sebagai Keling, Kumang dan rakan-rakan tinggal di bahagian ini. Penghuni yang mendiami kawasan ini juga boleh berhubung dengan bahagian di atas langit dan sebaliknya. Orang di bumi boleh berkahwin dengan orang di langit. Walau bagaimanapun mereka berpisah atas dugaan dan cabaran tertentu. Oleh itu, terdapat hubungan persaudaraan antara orang di bumi dengan orang di langit. Mereka juga boleh mempunyai hubungan dengan penghuni di dalam bumi iaitu bahagian alam keempat dalam kosmos Iban.





Dunia di dalam bumi ini dipercayai didiami oleh haiwan khususnya reptilia khususnya ular dan buaya (Asmah Haji Omar, 2012), tetapi kehidupan dan kepercayaan mereka sama seperti kehidupan manusia di atas bumi. Perkahwinan dengan penghuni di alam lain adalah bersyarat dan perang antara alam berlaku sekiranya syarat dilanggar. Namun demikian, kedua-dua pihak mengalah atas dasar belas kasihan dan hormat. Mereka percaya bahawa setiap manusia mahupun haiwan mempunyai alam kehidupan masing-masing dan perlu menghormati antara satu sama lain.

Bahagian kosmos terakhir menurut Asmah Haji Omar (2012) ialah *Menua sebayan* yang juga dikenali sebagai alam roh iaitu tempat berhimpunnya roh (*samengat*) orang yang sudah mati. Roh orang yang masih hidup juga boleh berada di tempat ini sekiranya mereka hilang atau sesat dalam perjalanan menuju ke alam lain. Roh ini boleh diketahui keberadaannya melalui tilikan *manang* (pengamal perubatan tradisi) dan sekiranya perlu, mereka boleh memanggil *samengatnya* kembali. Gambaran alam dalam kosmos Iban juga berkait rapat dengan aktiviti perhumaan.

1.2.2 Folklor dalam Aktiviti Perhumaan

Suku kaum Iban juga sangat menitikberatkan perubahan atau reaksi burung dan haiwan lain kerana dipercayai mereka ini boleh memberi amaran, panduan atau ramalan yang akan terjadi di kemudian hari. Kepercayaan ini dikenali sebagai Auguri (Omen) atau Kihanatan (Sandin, 1980). Petanda tersebut disampaikan oleh *Singalang Burung* (Dewa





Perang) melalui burung kihanatan iaitu *Ketupung* (Burung Belatuk Kerdil), *Beragai* (Burung Kesumba Puteri), *Bejampung* (Burung Belatuk Menjerit), *Pangkas* (Burung Belatuk Punggur), *Embuas* (Burung Pekaka Riang Rimba), *Papau* (Burung Kesumba Diard) dan *Nendak* (Burung Murai Batu). Enam daripada burung tersebut kecuali *Nendak* merupakan menantu *Sengalang Burung* (Dewa Perang). Dalam cerita rakyat Iban, kemahiran mengetahui petanda atau ramalan yang dibawa oleh burung-burung ini diajar sendiri oleh *Singalang Burung* kepada Sera Gunting, orang Iban pertama yang pandai mengusahakan aktiviti berhuma (Sandin, 1980).

Dalam kehidupan tradisi suku kaum Iban, sebelum bermulanya aktiviti berhuma, orang Iban hidup dengan bertanam ubi kayu, berburu dan menangkap ikan. Menurut cerita rakyat suku kaum Iban, penanaman padi bermula dalam asal-usul mitologi kihanatan (Sandin, 1980). Berdasarkan folklor tersebut, anak perempuan *Singalang Burung*, *Endu Dara Tinchin Temaga* dari dunia atas langit tersesat di muka bumi selepas suaminya, *Ketupong* pergi memburu kepala atau *ngayau*. Dia disumpit ketika menjelma menjadi seekor burung oleh orang di bumi iaitu Menggin. Namun demikian, Menggin tidak menjumpai burung tersebut melainkan sehelai kain wanita. *Endu Dara Tinchin Temaga* muncul selepas tiga hari dan berkahwin dengan Menggin.

Hasil perkahwinan mereka, lahir seorang bayi lelaki yang diberi nama sebagai Sera Gunting. Selepas beberapa bulan Sera Gunting dilahirkan, *Endu Dara Tinchin Temaga* kembali ke dunia di atas langit, tempat asalnya dan meninggalkan suami serta anak mereka. Menggin menyedari kehilangan isterinya sejurus selepas mendengar





tangisan Sera Gunting. Bagi meredakan tangisan Sera Gunting, Menggin berusaha mencari isterinya. Akhirnya mereka berdua berjaya menemui *Endu Dara Tinchin Temaga* di dunia atas langit yakni tempat kediaman *Singalang Burung*. Ayah *Endu Dara Tinchin Temaga*, *Sengalang Burung* walau bagaimanapun tidak menganggap Menggin dan Sera Gunting sebagai menantu dan cucu kerana *Endu Dara Tinchin Temaga* telah berkahwin dengan *Ketupong* sebelum ini. Pada waktu tersebut, menantu-menantu *Singalang Burung* masih belum pulang dari *ngayau* (Ibid).

Apabila Sera Gunting sudah mula berjalan, *Singalang Burung* memberi beberapa ujian kepadanya sebagai bukti bahawa dia adalah cucunya. Sera Gunting berjaya membuktikan dirinya atas nasihat dan tunjuk ajar ibunya sehingga *Singalang Burung* menerimanya sebagai cucu. Sera Gunting tinggal di rumah panjang ibunya sehingga meningkat remaja. Pada suatu hari, penduduk di rumah panjang terdengar bunyi meriam menandakan kepulangan *Ketupong* dan kawan-kawannya. Mendengar bunyi tersebut, ibu Sera Gunting menjadi panik sekiranya hubungannya dengan Menggin diketahui suaminya, *Ketupong*. Dia menyuruh Menggin dan anaknya kembali ke bumi sebelum *Ketupong* mengetahui segalanya. Menggin dan Sera Gunting menuruti kehendak *Endu Dara Tinchin Temaga* dan berangkat pulang ke kampung halaman dengan segera.

Di rumah bapanya, Sera Gunting diajar mengerjakan pekerjaan sesuai dengan umurnya. Dia menolong ayahnya dan saudara yang lain bercucuk tanam namun tidak membuahkan hasil. Dia juga mengikuti bapa saudaranya dalam ekspedisi perang tetapi dia tidak berjaya membawa hasil peperangan seperti pahlawan lain. Kegagalan yang





dialaminya menyebabkan Sera Gunting menjadi marah dan ingin kembali ke kampung datuknya, *Singalang Burung* untuk mendapatkan nasihat. Pada mulanya, dia mendapat tentangan daripada keluarga bapanya. Namun dia berkeras untuk pergi daripada mengecapi kegagalan sepanjang hidupnya. Melihat kekerasan hati Sera Gunting, bapanya memberi izin kepadanya.

Dalam perjalanan menuju ke rumah datuknya, Sera Gunting disapa oleh Bulan. Bulan menasihati Sera Gunting supaya menghormati hari di mana bulan mengambang penuh pada setiap bulan untuk mengelakkan malapetaka. Sera Gunting meneruskan perjalanan selepas mendengar nasihat Bulan dan bersua dengan Bintang Tujuh. Bintang Tujuh juga memberi nasihat kepadanya agar sentiasa melihatnya sebelum memulakan aktiviti menanam padi. Sekiranya tidak, padi mereka tidak akan membuahkan hasil. Sera Gunting mendengar nasihat Bintang Tujuh dan meneruskan perjalanannya sehingga berjumpa dengan Bintang Tiga, saudara kepada Bintang Tujuh (Ibid).

Bintang Tiga memberi nasihat kepada Sera Gunting supaya menanam padi selepas lima belas hari kemunculan Bintang Tujuh. Bintang Tiga menjelaskan lagi, mereka akan muncul di atas langit untuk menolong para petani sekiranya kemunculan Bintang Tujuh tidak dapat dilihat akibat keadaan cuaca yang buruk dan juga sebab-sebab lain. Selepas mengambil kira nasihat-nasihat tersebut Sera Gunting pun sampai di rumah datuknya. Sera Gunting bukan sahaja diajar cara berhuma, malah dia diajar mengenal dan mengetahui petanda-petanda yang disampaikan oleh burung-burung kihanatan. Di





samping itu, dia juga diajar mengenal petanda daripada *Raja Sempulang Gana* atau Dewa Tanah yakni saudara datuknya.

Sebelum kembali ke bumi, Sera Gunting diberi benih padi oleh datuknya agar manusia di bumi tidak lagi kelaparan. Selain itu, Sera Gunting juga dinasihati agar melakukan upacara ritual dengan berdoa (*besampi*) sebelum memulakan aktiviti perhumaan. Dalam *sampi* itu, mereka hendaklah menyeru kepada *Singalang Burung* dan *Raja Sempulang Gana* agar padi mereka diberkati. Daripada cerita rakyat ini, masyarakat Iban percaya dan mengamalkan *sampi* dalam aktiviti berhuma sehingga kini. Mereka juga akan melihat Bintang Tiga dan Bintang Tujuh sebelum memulakan kerja berhuma seperti menebas, menebang dan membakar (Ibid).



Sandin (1980) telah merekodkan cerita Sera Gunting untuk mengingatkan sejarah bermulanya penanaman padi huma dalam kalangan suku kaum Iban. Folklor tersebut menjadi ikutan sejak zaman berzaman dan juga dijadikan panduan dalam ruang lingkup kehidupan suku kaum Iban sekarang. Walaupun suku kaum Iban sekarang tidak lagi mengamalkan kehidupan berpindah-randah, tetapi aktiviti menanam padi masih dijalankan sehingga kini.





1.2.3 Perayaan Ritual Perhumaan dalam Masyarakat Iban

Melalui ajaran yang disampaikan oleh Sera Gunting juga, suku kaum Iban mula menjalankan aktiviti berhuma pada bulan Mei setiap tahun (Sutlive, 2001). Setiap proses perhumaan iaitu dari peringkat membersihkan kawasan ladang (*manggol*) sehingga menuai, *sampi* dilafazkan selain mendengar dan mengetahui petanda daripada ketujuh-tujuh burung yang membawa ramalan tersebut. Sekiranya perhumaan mereka terjejas atau kurang membuahkan hasil, suku kaum Iban mengadakan upacara perayaan perhumaan iaitu *Gawai Batu* dan *Gawai Umai* (Gawai Huma). Upacara secara ritual ini dilakukan untuk mengelakkan kejadian yang sama berterusan untuk tahun-tahun berikutnya.



Gawai Batu diadakan sebelum membersihkan kawasan ladang (*manggol*) diketuai oleh *Tuai Rumah* (ketua rumah panjang) pada pengakhiran bulan Mei atau awal Jun (Sandin, 1980). Perayaan ini diadakan sekurang-kurangnya sekali selepas empat tahun sekiranya hasil huma semakin berkurangan setiap tahun. *Lemambang* atau pengamal *sampi* dijemput untuk melakukan upacara. Dalam upacara itu, *Raja Sempulang Gana* (Dewa Tanah) diseru untuk memberkati batu yang menjadi simbolik kepada aktiviti berhuma. Persembahan sajian (*piring*) juga dilakukan dalam ritual ini. *Lemambang* turut melafazkan *pengap* (invokasi kepada para dewa) sepanjang malam.

Pada pagi keesokannya, *sampi manggol* iaitu doa atau mantera sebelum membersihkan kawasan ladang dilafazkan diikuti dengan upacara Ramalan Hati. Upacara





ramalan tersebut lazimnya menggunakan hati khinzir. Hati haiwan tersebut ditilik untuk meramalkan samada aktiviti berhuma akan membuahkan hasil pada tahun tersebut atau sebaliknya. Perayaan ini mengambil masa selama dua hari. Pada awal pagi hari ketiga, setiap orang di rumah panjang tersebut akan mula membersihkan kawasan ladang (*manggol*). Aktiviti *manggol* seperti menebang, membakar dan membersihkan kawasan dilakukan. Ketika itu mereka akan melakukan aktiviti berhuma seperti biasa pada tahun-tahun berikutnya.

Selepas beberapa tahun, sekiranya padi menghadapi serangan serangga atau makhluk perosak pemimpin yang juga dikenali *Tuai Umai* (Ketua Gawai Huma) berbincang dengan anak buahnya untuk mengadakan perayaan *Gawai Umai* (Gawai Huma). Biasanya perayaan ini diadakan sebelum musim merumput. Perayaan ini juga akan menjemput *lemambang* untuk melafazkan *pengap* iaitu invokasi kepada *Raja Sempulang Gana* (Dewa Tanah) dan para dewa yang lain. Padi yang diserang oleh serangga perosak dibawa sebagai bukti berserta dengan persembahan sajian (*piring*). Upacara Ramalan Hati (*meda atau jani*) juga turut dilakukan dalam perayaan ini. Perayaan ini berlangsung selama tiga hari (Ibid).

Hari pertama Gawai ialah hari *ngalu Petara* (mengalu-alukan kedatangan para dewa). Pada malam itu, penduduk di rumah panjang tersebut membuat *pandung* yang akan digunakan untuk meletakkan persembahan sajian atau *piring*. Pada hari kedua, Ramalan Hati dilakukan diikuti dengan upacara *ngundurka Antu Penyakit Padi* (menghalau hantu penyakit padi). Pada hari ini juga, *Sampi Pandung Gawai Umai*





dilafazkan agar tempat menyimpan persembahan santapan (*piring*) diberkati oleh *Petara* (Dewa-dewi) sebelum diletakkan di huma masing-masing.

Hari ketiga adalah upacara *bedenjang indu* yakni para wanita memakai pakaian yang cantik dan mereka ini dipercayai duduk bersebelahan dengan isteri dan anak perempuan *Raja Sempulang Gana* (Dewa Tanah). Dipercayai isteri dan anak perempuan *Raja Sempulang Gana* (Dewa Tanah) memberikan azimat atau tangkal yang membolehkan mereka menjadi petani yang berjaya. Setiap upacara yang dilakukan dalam tiga hari tersebut disertai invokasi *pengap* dan *sampi*. Selesai upacara tersebut, para petani meletakkan *pandung piring* yang telah diberkati pada hari kedua di huma masing-masing dalam jangkamasa tiga hari agar serangga perosak tidak mendekati huma



Setelah mengenali gambaran kosmos dan bagaimana huma menjadi pekerjaan utama suku kaum Iban termasuk pengendalian perayaan ritual perhumaan, didapati setiap satu mempunyai hubung kait antara satu sama lain. Keyakinan terhadap kepercayaan warisan menerangkan bahawa sebahagian kehidupan harian suku kaum Iban dipengaruhi oleh kuasa luar biasa yang dinamakan *Petara* (Dewa-dewi). Kepercayaan ini juga dijadikan asas bagaimana mereka memandang dunia (*world-view*) di sekeliling mereka.

Berdasarkan cerita rakyat suku kaum Iban, kembalinya Sera Gunting ke muka bumi merupakan titik permulaan suku kaum Iban berhuma iaitu penanaman padi bukit. Perbuatan ini menjadi ikutan dari generasi ke generasi kerana selepas itu aktiviti berhuma menjadi pekerjaan utama suku kaum Iban. Untuk mendapatkan hasil padi yang lumayan,





mereka akan berseru kepada para dewa untuk merestui pekerjaan mereka. Contohnya, selepas aktiviti berhuma dijalankan, mereka memohon dan berdoa agar hasil huma mendapat keberkatan daripada para dewa melalui *Sampi Memali Umai*. *Sampi* perhumaan dilafazkan kepada *Sempulang Gana* iaitu dewa yang dipercayai berkuasa ke atas tanah dan aktiviti berhuma (Gregory Leong dalam Muhd. Suhaimi Haji Ishak, 2009).

Pekerjaan berhuma ini masih dilakukan sehingga sekarang. Buktinya, sebanyak 58.5% masyarakat Iban masih mengerjakan tanaman padi bukit sebagai pekerjaan utama sehingga kini (Kwok Chin Hoe & Haris Abd Wahab, 2014). Walau bagaimanapun, *sampi* tidak lagi dilafazkan kepada *Petara* kerana dalam tahun 1940-an kehidupan tradisi suku kaum Iban berubah apabila majoriti mereka memeluk Kristian (Asmah Haji Omar, 1981). Keadaan ini menjadikan aktiviti berhuma, perayaan dan majlis keramaian mula digantikan melalui doa dan upacara Kristian. Ucapan doa mereka juga dilafazkan dalam bahasa yang ringkas dan mudah difahami.

1.3 Pernyataan Masalah

Sampi merupakan kepercayaan tradisi yang diamalkan untuk memohon perlindungan dan kesejahteraan hidup oleh suku kaum Iban. Kepercayaan ini diwarisi melalui folklor Sera Gunting (Sandin, 1980) yang menjadi amalan suku kaum Iban sehingga kini. Namun demikian, amalan tradisi ini semakin berkurangan sejak kemasukan mubaligh Kristian yang telah mengubah kepercayaan tradisi kaum Iban (Asmah Haji Omar, 1981).





Perkembangan ilmu pengetahuan moden yang diperkenalkan oleh penjajah Inggeris diteruskan oleh pemerintah di Sarawak turut membentuk cara berfikir suku kaum Iban supaya menolak kepercayaan tradisi termasuk peristiwa yang luar biasa (Postill, 2003). Penolakan ini menyebabkan generasi muda sukar memahami struktur dan bahasa kiasan metafora yang digunakan dalam *sampi*.

Ketua upacara amalan *sampi* yang juga dikenali sebagai *lemambang* menunjukkan kemahirannya melalui penyusunan serta penggunaan kata yang dilafazkan secara spontan dalam binaan *sampi*. Kekurangan penekanan daripada orang tua yang arif dalam *sampi* ini menjadikan ramai generasi muda hari ini mengalami kesukaran dalam memahami ujaran dan maksud metafora yang terdapat dalam *sampi*. Keadaan menjadi semakin kritikal apabila populasi orang tua yang arif dan berpengalaman juga semakin berkurangan (Sandai, 2011). Hal ini menambahkan kesukaran untuk mendapatkan panduan dalam penyusunan bahasa dan aturan *sampi* tersebut.

Kesukaran memahami sastera lisan ini diakui sendiri para pendidik Bahasa Iban (Sandai, 2011). Sehubungan itu, mereka sukar menarik minat pelajar untuk mempelajari puisi tradisional khasnya *sampi*. Bahasa tersirat yang digunakan dalam *sampi* kebanyakannya bersifat metafora dan sukar difahami menjadikan puisi tersebut semakin dilupakan. Tradisi lisan membantu masyarakat memahami dan mengetahui sejarah kepercayaan asal serta pemikiran budaya suatu ketika dahulu. Sekiranya tiada kesedaran tentang kepentingan tradisi sendiri daripada masyarakat, tradisi lisan kehilangan fungsi dalam kehidupan sosial (Mohd. Taib Osman, 1989). Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk





membantu golongan generasi muda khususnya dalam memahami dan meneliti pembinaan struktur *sampi*.

1.4 Objektif Kajian

Berikut merupakan beberapa objektif yang hendak dicapai dan digunakan sebagai dasar dalam kajian ini:

- i. Menenal pasti lapisan bahasa dalam pembinaan struktur *sampi*.
- ii. Mengkaji jenis ayat yang membina struktur *sampi*.
- iii. Menganalisis unsur yang membentuk metafora dalam struktur *sampi*.



1.5 Soalan Kajian

Bagi mencapai objektif yang telah digariskan tersebut, soalan kajian dalam kajian ini turut dinyatakan seperti di bawah:

- i. Apakah lapisan bahasa yang terkandung dalam pembinaan struktur *sampi*?
- ii. Bagaimanakah ayat membina struktur dalam *sampi*?
- iii. Apakah unsur yang terdapat dalam bahasa kiasan metafora *sampi*?





1.6 Batasan Kajian

Kajian ini terhad kepada dua buah *sampi*. Dua buah *sampi* yang digunakan ialah *sampi* di awal aktiviti perhumaan dan *sampi* perayaan perhumaan. Oleh itu, dapatan kajian juga terhad kepada *sampi* yang dipilih. Walaupun dapatan data yang diperoleh merupakan sampel *snowball*, namun *sampi* perhumaan tersebut memenuhi setiap peringkat dalam kitaran perhumaan suku kaum Iban dahulu.

Kajian ini juga terbatas kepada sumber sekunder iaitu menggunakan buku *Sampi Enggau Biau* susunan Robert Menua Saleh dan Janang Ensiring (2001). Data sekunder ini digunakan kerana kegiatan perhumaan yang semakin kurang. Oleh itu, orang yang pakar dalam *sampi* turut berkurang. Data sekunder hanya menggunakan buku tersebut kerana memenuhi setiap peringkat perhumaan suku kaum Iban dan turut memuatkan *sampi* semasa perayaan perhumaan disambut. *Sampi* dipilih untuk mengetahui sekiranya terdapat perbezaan atau persamaan dengan genre puisi tradisional yang lain.

1.7 Kepentingan Kajian

Sampi merupakan salah satu tradisi lisan suku kaum Iban yang diamalkan untuk memohon pertolongan kepada *Petara* (Dewa-dewi). Sebagai langkah mengekalkan tradisi lisan, kajian ini diharap dapat memberi pengetahuan yang mendalam tentang ungkapan bahasa kiasan metafora dalam *sampi*.





Kajian struktur *sampi* ini diharap dapat membantu sebilangan suku kaum Iban yang masih mengamalkan kepercayaan tradisi melafazkan sendiri *sampi* tanpa bantuan orang yang lebih pakar. Selain itu, unsur alam dan bukan alam yang dianalisis dalam kajian ini juga boleh membantu suku kaum Iban menghasilkan bahasa kiasan dalam mengucapkan *sampi*.

Kajian ini juga diharap dapat menjadi panduan kepada para pendidik dalam pengajaran sastera Bahasa Iban di sekolah. Dapatan dalam kajian ini boleh digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Iban.

Kaedah analisis yang digunakan dalam kajian ini boleh digunakan untuk mengkaji tradisi lisan suku kaum Iban yang lain. Kajian ini juga diharap dapat memberi kesedaran kepada suku kaum Iban terutamanya generasi muda untuk mempertahankan tradisi lisan yang merupakan asal-usul kepercayaan masyarakat sendiri.

1.8 Definisi Istilah

Definisi operasional berikut memaparkan beberapa istilah yang banyak digunakan dalam kajian ini.





1.8.1 Struktur

Aminuddin (2004) mendefinisikan struktur ialah cara sesuatu perkara terbina atau terbentuk melalui pelbagai bahagian, unsur atau aspek hingga membentuk suatu pola atau sistem tertentu. Dalam kajian ini, struktur ialah bahagian permulaan, isi dan penutup dengan mengambil kira beberapa unsur lapisan bahasa iaitu seruan, bertabik, pengenalan diri, tujuan, suruhan, dialog dengan *Petara* dan permohonan dalam *sampi*. Kemudian, lapisan tersebut diperturunkan kembali kedudukannya dalam mantera sebagai kerangka yang membentuk struktur *sampi*.



1.8.2 Ayat

Asmah Haji Omar (2014) menjelaskan bahawa ayat terdiri daripada klausa disertai dengan intonasi ayat yang lengkap dan merupakan unit tertinggi dalam skala tatatingkat nahu. Intonasi ayat yang lengkap dimulai dan diakhiri dengan kesenyapan dan intonasi tersebut menyatakan bahawa ayat itu sempurna dan selesai (Asmah Haji Omar, 2014). Dalam kajian ini, ayat mempunyai empat jenis yang utama iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat suruhan. Ayat-ayat ini merupakan teras dalam penyampaian lapisan bahasa *sampi*.





1.8.3 Metafora

Kridalaksana (1984) mendefinisikan metafora sebagai penggunaan kata atau ungkapan lain untuk objek atau konsep lain berdasarkan kiasan atau persamaan (ms. 123). Manakala, Rahman Shaari (2001) menyatakan metafora sebagai penggunaan kata yang menerbitkan makna yang lain daripada makna tersurat. Dalam kajian ini, metafora merupakan bahasa kiasan yang menggunakan unsur alam dan unsur bukan alam. Unsur alam adalah seperti tumbuhan, manusia dan haiwan. Unsur bukan alam pula terdiri daripada alat ciptaan manusia.



1.8.4 *Sampi*

Sampi merupakan kepercayaan asal suku kaum Iban sebagai permohonan kepada Dewa-dewi (*Petara*), entiti dan roh agar mereka mendapat keberkatan (Robert Menua Saleh & Janang Ensiring, 2001). *Sampi* dalam kajian ini ialah mantera yang disampaikan dalam aktiviti berhuma dan perayaan ritual perhumaan suku kaum Iban.

1.8.5 Teori Sistemik-Fungsional

Teori sistemik-fungsional merupakan teras aliran Linguistik London atau Linguistik British yang kemudiannya dikemaskini oleh Asmah Haji Omar (2008). Teori ini





menjelaskan konteks situasi merupakan teras paling utama mewujudkan makna dalam bahasa serta memperlihatkan wujudnya sistem dan struktur yang mempunyai hubungan erat antara satu sama lain (Ibid). Melalui teori ini, sistem dalam teks bahasa dapat dilihat dari yang sebesar-besarnya sehingga ke yang sekecil-kecilnya yang terbentuk melalui pembahagian sistem yakni subsistem (Ibid). Dalam kajian ini, teori sistemik-fungsional berfungsi untuk mengkaji susunan struktur berdasarkan konteks situasi *sampi*. Struktur yang dimaksudkan ialah lapisan bahasa yang mendasari bahagian pengenalan, isi dan penutup. Lapisan bahasa tersebut ialah seruan permulaan, bertabik, pengenalan diri, tujuan, seruan, persembahan sajian, suruhan, dialog dengan *Petara* dan permohonan.



1.8.6 Teori Linguistik Kognitif Lakoff-Johnson

Lakoff dan Johnson (1980) berpendapat bahawa ujaran yang kita gunakan dalam kehidupan seharian berupa pola pemetaan yang di dalamnya satu domain (*target domain*) disampaikan dalam hubungannya dengan domain yang lain (*source domain*) menggunakan metafora. Linguistik kognitif memandang bahawa bahasa merupakan suatu lambang, sehingga setiap bentuk bahasa dianggap mempunyai makna serta mempunyai unsur yang membentuknya (Lakoff & Johnson, 1980). Berdasarkan teori ini, unsur alam dan bukan alam yang digunakan dalam bahasa kiasan metafora *sampi* dikenalpasti. Unsur-unsur tersebut digunakan dalam menyampaikan warisan tradisi, merendahkan diri, kekebalan tangkal, kehebatan perwira, kecantikan wanita, kehadiran orang ramai, hasil padi dan kemurahan rezeki.





1.9 Kerangka Teori

Penerapan teori sistemik-fungsional sangat bersesuaian khususnya dalam kajian bahasa dialek. Berdasarkan teori ini, tiap-tiap bahasa mempunyai satu sistem yang mana setiap sistem akan dibahagikan kepada beberapa subsistem (Asmah Haji Omar, 2008). Oleh hal yang demikian, teori ini digunakan sebagai landasan untuk menganalisis perkataan-perkataan yang dikategorikan dan dikenali sebagai bahasa lapisan dalam *sampi* berpandukan prinsip lapisan bahasa mantera oleh Haron Daud (1992a).

Dalam teori sistemik-fungsional, Osmah Haji Omar (2008) melihat bahan kajian sebagai satu keseluruhan yang membentuk satu sistem dengan komponen-komponen dalam sistem saling berkait dan ditentukan oleh struktur sistem. Tiap-tiap sistem tersebut mempunyai struktur dengan bahasa berperanan sebagai lambang.

Menggunakan teori sistemik-fungsional, kajian ini merumuskan struktur yang membina kerangka *sampi* iaitu dari bahagian permulaan, isi dan penutup. Melihat kepada nahu dan konteks dalam *sampi*, teori sistemik-fungsional juga menjelaskan jenis ayat yang digunakan dalam membangun struktur sastera tersebut. Nahu merupakan peraturan penyusunan kata menjadi ayat atau lebih dikenali sebagai peraturan bahasa (Osmah Haji Omar, 2008)

Dalam buku Nahu Kemas Kini, Asmah Haji Omar (2008) menjelaskan bahawa ayat merupakan asas kepada bahasa. Teori sistemik-fungsional berpotensi dalam





menganalisis teks ayat sedalam-dalamnya. Jenis ayat dalam *sampi* dipandang dari konteks situasi yang diberikan yakni ayat seruan, ayat tanya, ayat penyata, dan ayat perintah seperti yang dikemukakan dalam nahu kemas kini (Asmah Haji Omar, 2008). Daripada ayat-ayat ini, makna dalam teks *sampi* difahami dengan jelas untuk mengenal pasti bahasa kiasan metafora yang wujud.

Lakoff dan Johnson (1980) pula menyatakan bahawa metafora merupakan bahasa yang digunakan dalam pemikiran dan tingkah laku kehidupan seharian. Pembentukan bahasa kiasan metafora wujud apabila seseorang dapat memahami sesuatu hal melalui proses pemahamannya tentang hal lain yang telah dikenali dan difahami sebelumnya dari pengalamannya sehari-hari (Lakoff & Johnson, 1980). Berdasarkan pernyataan tersebut, bahasa kiasan metafora menentukan hubungan antara objek dengan menciptakan pemahaman mengenai objek tertentu melalui pemahaman mengenai objek yang lain. Dengan erti kata lain, domain sumber (*source domain*) digunakan manusia untuk memahami konsep abstrak dalam domain sasaran (*target domain*) (Lakoff & Johnson, 1980). Konteks alam dan budaya yang mendasari kewujudan bahasa kiasan metafora menjadikan teks data mudah dikenal pasti.


Perbincangan yang berdasarkan kerangka ini bertujuan untuk memperlihatkan bahawa unsur bahasa kiasan metafora yang lazim digunakan oleh masyarakat penuturnya sehari-hari mempunyai makna sebagaimana pemikiran masyarakat penuturnya. Teori ini diterapkan untuk menganalisis unsur alam dan bukan alam yang digunakan sebagai domain sumber (*source domain*) untuk melambangkan maksud sebenar atau domain





sasaran (*target domain*). Melalui teori ini juga, konteks situasi dalam teks yang dianalisis menggunakan teori sistemik-fungsional dapat membantu dalam memberi makna keseluruhan *sampi*. Kerangka teori yang mendasari kajian ini ditunjukkan seperti gambarajah di bawah:





Rajah 1.1. Kerangka Teori (Diadaptasi daripada Asmah Haji Omar, 2008; Haron Daud, 1992a; dan Lakoff & Johnson, 1980).



1.10 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini menerangkan serba ringkas latar belakang suku kaum Iban dan peratus populasi mereka di Sarawak. Diceritakan juga salah satu komponen tradisi lisan suku kaum Iban iaitu puisi tradisional Iban yang dikategorikan kepada Hiburan, Adat Resam dan Budaya serta Invokasi. Skop penceritaan bab menjadi lebih jelas dengan invokasi *sampi* sebagai topik utama dalam kajian. *Sampi* yang dimaksudkan lebih kepada *sampi* perhumaan dan upacara ritual yang berkaitan dengan aktiviti tersebut. Namun demikian, kosmos atau gambaran alam dalam suku kaum Iban diceritakan terlebih dahulu sebelum folklor dan perayaan perhumaan dijelaskan. Seterusnya, bab ini juga menyentuh latar belakang kajian, pernyataan masalah dan objektif. Kerangka teori





BAB 2

TINJAUAN LITERATUR



2.1 Pengenalan

Tradisi lisan sangat berkait rapat dengan corak kehidupan, pemikiran dan kepercayaan sesuatu masyarakat yang melahirkannya. Salah satu tradisi lisan yang mempengaruhi kehidupan masyarakat peribumi ialah puisi tradisional. Bagi suku kaum Iban, *sampi* (mantera) merupakan puisi tradisional yang menjadi kepercayaan warisan dari zaman-berzaman. Berfungsi sebagai pengantara antara umat manusia dengan kuasa luar biasa yang dikenali *Petara* (Dewa-dewi), *sampi* dilafazkan secara meluas dalam aktiviti perhumaan yakni penanaman padi bukit. Namun demikian, *sampi* semakin kurang diamalkan ekoran anjakan paradigma globalisasi masa kini. Sehubungan itu, para sarjana menggiatkan usaha dalam mengumpulkan dan menjalankan penyelidikan terhadap tradisi





lisan. Kajian ini dijalankan sebagai salah satu usaha membantu menyelamatkan puisi tradisional kategori invokasi yakni *sampi*.

Siti Aishah Mat Ali (dalam Abdul Halim Bandan, 2009) menekankan tradisi lisan berfungsi dalam menyatakan keinginan, angan-angan yang terpendam, sebagai alat pengendali sosial oleh sesuatu masyarakat. Oleh itu, kajian perkembangan tradisi lisan bukan sesuatu yang asing pada abad ini, malah telah berkembang dengan meluas dalam masyarakat Melayu lama. Ismail Hamid (1986) mengkategorikan “tradisi lisan atau sastera lisan kepada dua bentuk yakni sastera bercorak naratif berbentuk prosa dan sastera berbentuk bukan naratif” (ms. 1). Ismail Hamid (1986) turut menyatakan sastera berbentuk bukan naratif disampaikan melalui puisi tradisional seperti mantera, pantun, peribahasa, teka-teki dan lain-lain.



Kajian tradisi lisan telah bermula sejak abad ke-17 dan ke-18 Masihi oleh sarjana-sarjana Eropah, antaranya ialah Wilhelm dan Jacob Grimm dari Jerman. Dengan penemuan pada tahun 1856, sarjana Eropah mula meluaskan kajian tradisi lisan kerana dakwaan wujudnya persamaan tradisi lisan antara Eropah dan Asia. Bab ini membincangkan kajian tradisi lisan yang melibatkan mantera, yakni sastera berbentuk bukan naratif di di Nusantara, Sabah dan Sarawak. Selain itu, kajian ini turut meneliti unsur metafora yang digunakan dalam masyarakat peribumi.





2.2 Kajian Tradisi Lisan di Nusantara, Sabah dan Sarawak

Pemerhatian terhadap tradisi lisan telah bermula sejak abad ke-19 dan abad ke-20 di Nusantara. Walau bagaimanapun, pemerhatian tersebut lebih kepada usaha pengumpulan dan pendokumentasian tradisi lisan ke dalam bentuk tulisan. Dalam kajian mantera pula, kebanyakan pengkaji mengkaji fungsi atau penggunaan mantera dalam kepercayaan suku kaum pribumi. Ramai sarjana berpendapat bahawa sesuatu masyarakat mula mengamalkan mantera tidak dapat dipastikan (Abdoel Gafar, 2013; Haron Daud, 2009; Ongtiana, Priyadi & Paternus, 2013). Hal yang sama berlaku yang mana suku kaum Iban mula mengamalkan amalan mantera juga tidak dapat dipastikan.



Kajian di Indonesia menyatakan mantera mempunyai unsur-unsur yang membentuk isi dan kandungannya. Dalam *Struktur Mantera Minangkabau*, salah satu unsur yang disentuh ialah diksi atau kata-kata bahasa yang digunakan (Marjusman et al. 1980). Kata-kata bahasa ini berkait rapat dengan sistem kepercayaan sesuatu masyarakat dan bagaimana mereka melihat alam (kosmologi) sekeliling. Hubungan yang rapat dengan alam secara tidak langsung menjadikan suasana sesuai dengan amalan dan pengucapan mantera. Pendapat ini berbeza dengan Herman (1987) yang cuba membayangkan bahawa ucapan dalam mantera harus mempunyai kekuatan ghaib sehingga berupaya menghubungkan diri seseorang dengan kuasa luar biasa. Herman (1987) juga menyatakan mantera berhubung rapat dengan upacara ritual seperti penglibatan kemenyan, cara pergerakan anggota badan dan ucapan dalam nada yang bersesuaian. Namun demikian, kemenyan tidak digunakan dalam *sampi*.





Pendapat Herman (1987) mengenai mantera juga mempunyai kaitan dengan *sampi* yang diamalkan oleh suku kaum Iban dari segi upacara ritual. Namun demikian, dalam upacara ritual *sampi* seperti *Gawai Batu* dan *Gawai Umai* (Gawai Huma) peralatan yang digunakan ialah persembahan sajian (*piring*) untuk mendapat restu daripada *Petara* (Dewa-dewi) seperti yang telah diajarkan oleh *Sengalang Burung* (Dewa Perang) kepada Sera Gunting (Sandin, 1980). Selain itu, ayam turut digunakan kerana dipercayai mampu membuang bala yang bakal menimpa (Robert Menua Saleh & Janang Ensiring, 2001). Dalam upacara tersebut juga terdapat upacara persembahan korban di mana hati korban tersebut ditilik untuk meramalkan kejadian di kemudian hari (Sandin, 1980).



Kusnan (1987) ialah bentuk dan bahasa. Bentuk merupakan struktur yang mana wujudnya kalimat atau isi yang terbina dalam bentuk tersendiri. Manakala bahasa merupakan alat untuk menyampaikan kata-kata dalam mantera. Pradopo (2007) menjelaskan dengan lebih lanjut tentang bentuk atau struktur yang merupakan susunan unsur-unsur yang bersistem. Sistem ini disebut sebagai tiga bahagian utama iaitu pendahuluan mantera, inti mantera dan penutup mantera. Hal ini menarik minat untuk mengkaji dengan lebih mendalam struktur dalam *sampi*.

Mantera tersusun dari binaan kata dan jenis ayat yang dipercayai memiliki unsur magis bagi pengamalnya. Lea Olsan (1999) dalam kajiannya menyatakan struktur yang terdapat dalam puisi tradisional jenis mantera adalah bebas. Hal ini bergantung kepada kemahiran pengucap doa atau tukang jampi (Lea Olsan, 1999). Kemahiran ini





disesuaikan berdasarkan pengalaman tukang jampi dan juga kepakaran menggunakan bahasa. Perbezaan dalam mantera dapat dilihat melalui struktur dan juga motif mantera diamalkan (Lea Olsan, 1999). Penjelasan ini menyokong bahawa *sampi* yang digunakan dalam masyarakat Iban juga dilafazkan berdasarkan kemahiran pengamal *sampi* yang dikenali sebagai *lemambang*. Walau bagaimanapun, Lea Olsan (1999) tidak menyentuh secara jelas tentang kandungan yang terdapat dalam sesuatu invokasi.

Haron Daud (2001) dalam kajiannya tentang mantera di Nusantara menyatakan mantera Melayu merupakan teks ucapan yang terbina berdasarkan kata-kata atau ayat dalam bentuk puisi berirama. Isi teks mengandungi unsur magis yang mempunyai hubungan dengan kuasa luar biasa. Ayat-ayat dalam mantera dipercayai dan diyakini sepenuhnya melalui perguruan atau penurunan secara ghaib. Mantera tersebut diamalkan secara bersungguh-sungguh dengan memenuhi serta mematuhi syarat dan pantang larang yang telah ditetapkan dan digunakan dengan tujuan tertentu samada baik atau buruk.

Pendapat Harun Daud (2001) mengukuhkan kedudukan *sampi* suku kaum Iban sebagai puisi tradisional kerana mempunyai bentuk puisi dan berirama. *Sampi* turut mengandungi unsur magis yang berkaitan dengan *Petara* (Dewa-dewi). Namun demikian, *sampi* dipercayai bermula dari folklor Sera Gunting dan diturunkan kepada generasi seterusnya secara lisan. *Sampi* juga turut dipercayai, diyakini dan diamalkan dengan teliti dan hanya digunakan dengan tujuan yang baik sahaja.





Manakala Hanafi dan Santamaria (2008) pula menyatakan mantra harus disertai dengan ritual yang melibatkan persembahan sajian dan tarian suci bagi masyarakat Bajau Laut di Selatan Filipina. Ritual ini diadakan untuk menghormati roh atau hantu laut yang digelar *bansa* agar memelihara kehidupan komuniti masyarakat di tepi pantai. Dalam persembahan tersebut, *bansa* dijemput untuk menari bersama penduduk. Kehadiran *bansa* dirasai apabila salah seorang penduduk dalam keadaan separuh sedar. Hal ini kerana, menurut Hanafi dan Santamaria (2008) “*bansa* bukan sahaja boleh memasuki badan manusia tetapi juga mempunyai keupayaan dalam penyembuhan, perlindungan dan pengabulan doa” (ms. 169-170). Jaminan tersebut dinyatakan melalui *Wali Jin* iaitu orang yang memainkan peranan menyeru *bansa*. Ritual kepercayaan yang dikaji oleh sarjana ini hanya menyentuh peranan *Wali Jin* dan *bansa* dalam ritual persembahan tarian dengan hantu laut. Kajian itu tidak menyentuh bagaimana *Wali Jin* mengucapkan mantra untuk menyeru *bansa*. Walau bagaimanapun amalan tersebut bersamaan dengan sesetengah *sampi* yang mempunyai persembahan sajian (*piring*).

Penggunaan ayat-ayat yang mengandungi konotasi magis ini sangat personal. Zulfadhli (2010) dalam kajiannya menegaskan diksi atau pilihan kata merupakan salah satu unsur penting dalam penghasilan invokasi jenis doa. Pengamal meluahkan perasaan dalam fikirannya secara batiniah dan lahiriah melalui pemilihan kata. Pemilihan kata dan penggunaan bahasa (kata) ini mempengaruhi pengamal untuk mengembangkan dunianya sendiri dengan mengungkapkan bahasa khas (Zulfadhli, 2010). Dapatan itu menyokong kaedah kajian yang digunakan untuk mengkaji kandungan perbicaraan atau lapisan bahasa dalam *sampi*.





Rita Nilawijaya (2012) menyatakan antara bahasa atau kata yang digunakan dalam mantra ialah berbentuk kalimat panggilan dan pernyataan. Pengamal *sampi* memanggil dan menyeru makhluk yang diyakini mampu membantu mereka dalam situasi tertentu. Kemudian, pernyataan untuk memberi keyakinan makhluk tersebut dituturkan agar bertindak mengikut kehendak pengamal *sampi*. Keadaan ini berbeza dengan kajian Santika Dewi (2014) yang menyatakan ayat panggilan adalah ucapan untuk mendapatkan belas kasihan daripada yang berkuasa. Oleh hal demikian, kajian tersebut menguatkan kajian ini dalam meneliti jenis ayat yang digunakan dalam *sampi*.

Selain daripada itu, mantra juga digunakan sebagai pemujaan kepada Tuhan sesuai dengan keinginan pengucap doa (Welly Setiawan, 2014). Pemujaan dan pujian ini dilafazkan sebelum tujuan dan permintaan dilafazkan. Pemujaan biasanya dikhaskan kepada Yang Maha Tinggi atau kepada roh-roh yang dipercayai. Dalam *sampi*, tukang jampi memuja dan memberi pujian kepada spirit dan para dewa (*Petara*). Melalui pemujaan ini, suku kaum Iban menyeru dan menyuruh para dewa melindungi mereka selain memberikan hasil tuaian atau hasil huma yang baik pada tahun-tahun seterusnya (Ronald, 2004).

Bagi masyarakat Cianjur di Indonesia pula, Yayah Sorayah (2014) menerangkan mantra tandur ialah salah satu mantra yang dituturkan dalam kegiatan bertanam padi. Pengamal mantra yang melafazkan mantra ini dikenali sebagai *Candoli*. *Candoli* ditugaskan untuk menjaga tempat penyimpanan beras dan makanan lain semasa upacara dijalankan. Berbeza dengan masyarakat Melayu, mantra tidak hanya dilafazkan oleh





Candoli. Petani atau pemilik sawah juga boleh melafazkan mantera tersebut sekiranya beliau mengetahui syarat-syarat penuturan mantera dalam proses kegiatan pertanian.

Pandangan para ilmuan di atas menampakkan bahawa unsur magis dan penggunaan kata sebagai ciri mutlak dalam membentuk isi mantera. Unsur magik ini dipengaruhi oleh pandangan kosmos sesuatu masyarakat. Sekiranya Herman menekankan unsur ghaib, mantera Minangkabau pula menekankan suasana yang mana pengamal menumpukan sepenuh perhatian terhadap mantera yang dilafazkan. Mohd. Taib Osman (1982, 1989) pula melihat mantera secara umum dengan memberi penekanan terhadap penggunaan atau tujuan. Manakala Harun Mat Piah (1989) meletakkan ciri penting dalam mantera ialah isi, perlakuan dan tujuan.



Kajian tradisi lisan dalam kalangan suku kaum bumiputera di Sabah pula dimulai oleh para mubaligh Barat, ahli antropologi dan pentadbir Inggeris. Antara kajian yang boleh dirujuk ialah seperti Ruther (1922,1929), Evans (1922,1952), Cyrill (1961,1966) dan Wright (1970). Namun demikian, kajian ini menjurus kepada kajian sosiobudaya dan tidak memberi perhatian khusus terhadap tradisi lisan.

Saidatul Nornis Hj. Mahali (2008) telah mengkaji interaksi dalam *Isun-isun* kaum Bajau di Kota Belud, Sabah. *Isun-isun* ialah pantun tradisional masyarakat Bajau yang mempunyai empat bait serangkap dengan rima akhir yang sama ‘a-a-a-a’. Perbezaan *Isun-isun* dengan bentuk pantun Melayu dilihat dari segi struktur dan cara penyusunan idea. *Isun-isun* mengandungi elemen pengenalan, inti dan penutup berbanding dengan





pantun yang mengungkapkan satu maksud dalam setiap rangkap. Kajian ini tidak menyentuh lapis bahasa yang membina *Isun-isun*, sebaliknya mengkaji bahasa pada permulaan dan akhir interaksi.

Saidatul Nornis Hj. Mahali (2011) meneruskan kajiannya dalam teknik interaksi di Sabah dengan *kalang mpat* atau nyanyian rakyat suku kaum Bajau. Penciptaan *kalang mpat* ialah melalui susunan kata-kata yang telah ditetapkan. Hal ini menunjukkan *kalang mpat* mempunyai strukturnya tersendiri serta berfungsi untuk menyampaikan pengajaran, perasaan, luahan hati dan sebagai hiburan. Fokus kajian ini ialah meninjau teknik penggunaan bahasa dalam masyarakat Bajau. Menggunakan teori relevans, Saidatul Nornis Hj. Mahali (2011) menyatakan suku kaum Bajau gemar menggunakan bahasa tersirat melalui ungkapan implisit yang terkandung dalam *kalang mpat*. Melalui kajian ini, suku kaum Bajau menggunakan bahasa tersirat untuk menyampaikan masa, jarak, kesantunan bahasa dan luahan perasaan yang kesunyian.

Menyedari kepentingan tradisi lisan yang kian terpinggir, Low Kok On (2013) telah mengumpul beberapa koleksi *Sundait* atau pantun teka-teki kaum Rungus di Sabah. Dalam kajiannya terdapat 78 buah teka-teki yang dikumpul. Menurutnyanya “*Sundait* berkait rapat dengan semangat padi yang dikenali sebagai Bambarazon” (Low Kok On, 2013, ms. 900). Walaupun *sundait* adalah satu teka-teki, namun ia hanya boleh dimainkan pada musim menuai.





Sudawil iaitu puisi lisan Kadazandusun yang telah diteliti maknanya dari segi linguistik dan budaya melalui aspek makna kata yakni denotatif, konotatif dan fungsi kohesi (Julita, 2014). Menggunakan Teori Analisis Komponen Makna oleh Katz (1972) *sudawil* mempunyai padanan makna dalam perkataan-perkataan tertentu. Selain itu, puisi lisan tersebut banyak menggunakan metafora dan unsur kohesi bagi menegaskan lagi maksud yang hendak disampaikan oleh penyampai. Kajian tersebut hanya mengkaji aspek makna kata puisi lisan dan bukan menyentuh struktur dalam puisi tersebut. Oleh itu, ia menguatkan kajian ini untuk diteruskan.

Low Kok On dan Azlan Shafie Abdullah (2014) pula telah mengkaji puisi tradisional etnik Rungus di daerah Kudat iaitu *Bbahul* dan hubungannya dengan *Bbiruhui*. *Bbiruhui* merupakan kepercayaan tradisi kaum Rungus dengan konsep *Minamangun* sebagai Pencipta Yang Esa serta kewujudan pelbagai semangat baik dan jahat di alam ghaib. Kaedah lapangan digunakan dalam kajian tersebut dengan merakam dan mendokumentasikan *bhahul* serta kepercayaan *Bbiruhui*. Berdasarkan kajian tersebut, *bhahul* merupakan puisi yang dilafazkan oleh orang tertentu semasa *Bbiruhui* dijalankan. *Bbbobbollizan* (pakar upacara) juga boleh menyampaikan *bbahul* contohnya dalam upacara *Moginum* untuk menyembuhkan penyakit. Namun demikian tidak dinyatakan samada *bhahul* merupakan sejenis mantra atau tidak kerana hanya sesetengah *bhahul* yang berkait rapat dengan kepercayaan *Bbiruhui*. Teknik analisis dalam kajian tersebut mengetengahkan tiga tahap iaitu analisis teks, tekstual (unsur linguistik dalam teks) dan konteks.





Di Sarawak, kajian tradisi lisan bermula pada abad ke-19 oleh para sarjana Eropah seperti Freeman (1970), Erik Jensen (1974) dan Clifford Sather pada tahun 1970-an. Kebanyakan para sarjana tersebut mengkaji mitos dan kepercayaan suku kaum Iban. Jensen (1974) dalam kajiannya mendapati kaum Iban sangat terkenal dengan kepercayaan sistem Auguri. Sistem Auguri ini dipraktikkan secara meluas dalam pekerjaan terutamanya ketika berhuma. Kajian menunjukkan bagaimana suku kaum Iban menggunakan *sampi* dalam upacara *minta panas* iaitu mantera meminta cuaca yang baik agar proses pembakaran huma dapat dijalankan. Perkara ini membuktikan kajian tentang *sampi* huma telah dilakukan sejak dahulu. Kajian ini tidak menyentuh struktur *sampi* sebaliknya fokus kepada kebudayaan suku kaum Iban dalam meneruskan kehidupan di muka bumi. Walau bagaimanapun, ia membantu dari segi pemahaman bagaimana suku kaum Iban melihat keadaan sekeliling sehingga wujudnya perasaan takut terhadap kuasa luar biasa sekaligus melahirkan kata-kata yang digunakan di dalam *sampi*.

Kebanyakan kajian *sampi* suku kaum Iban dikaitkan dengan tradisi perhumaan. Dalam kajian Sather (1977), *sampi* juga digunakan ketika upacara *Nanchang Padi* atau upacara ritual sebelum menuai padi. *Sampi* dilafazkan untuk memberitahu semangat padi dan juga sebagai tanda penghormatan kepada kepada padi (*bebasa ke padi*). Kajian ini menunjukkan kepentingan *sampi* sebagai medium utama suku kaum Iban berhubung dengan kuasa luar biasa. Namun demikian, kajian tersebut menjurus kepada penceritaan suku kaum Iban menunjukkan rasa hormat terhadap semangat padi. Selain itu, kajian ini juga menceritakan *sampi* dilafazkan secara spontan dan hampir semua kandungan *sampi*





adalah sama. Berdasarkan dapatan ini, kajian ini sedikit sebanyak membantu dalam menentukan struktur *sampi* perhumaan yang lain.

Sather (1992) meneruskan kajiannya dalam perhumaan Iban kerana tertarik dengan *sampi* yang dilafazkan semasa berhuma. Kajiannya menunjukkan *sampi* suku kaum Iban dilafazkan berdasarkan dua tujuan utama (Sather, 1992). Tujuan yang pertama ialah kerana *sampi* merupakan salah satu budaya atau adat dalam setiap ahli keluarga. Tujuan yang kedua ialah kerana *sampi* dilafazkan sebagai invokasi kepada semangat nenek moyang (*Petara Ini, Petara Aki*) untuk melindungi keluarga dari malapetaka dan juga jaminan dalam keberhasilan berhuma. Berdasarkan pandangan sarjana tersebut, jelaslah menunjukkan setiap keluarga harus mengetahui tradisi lisan nenek moyang masing-masing. Sehubungan itu, kajian ini membantu generasi muda untuk mengingati adat dan budaya suku kaum Iban.

Haron Daud (2004) dalam kajiannya pula menyatakan *sampi* juga dilafazkan ketika sambutan hari Gawai iaitu pesta menuai suku kaum Iban. Gawai menjadi tradisi lisan kerana unsur ritual sama ada berbentuk verbal atau non-verbal yang melibatkan pemujaan dan jamuan kepada kuasa ghaib tidak dapat dipisahkan. Hal sedemikian menunjukkan hubungan antara Gawai dengan kehidupan dan kepercayaan suku kaum Iban sangat erat. Namun demikian, kajian ini tidak menganalisis struktur *sampi* yang dilafazkan ketika upacara Gawai. Tujuan kajian ini hanya tertumpu kepada peninjauan sejauh mana Gawai yang berunsur mitos mempunyai kaitan dengan kehidupan dan kepercayaan suku kaum Iban.





Chemaline (2006) telah menganalisis puisi rakyat suku kaum Iban atau dikenali sebagai *leka main* dari segi struktur dan fungsi. Dapatan kajian menunjukkan tiga fungsi utama *leka main* iaitu untuk kestabilan emosi dan sosial, digunakan dalam adat dan acara kebudayaan serta membentuk sebahagian daripada sistem kepercayaan, upacara dan ritual. Struktur *leka main* pula disentuh dari segi bentuk iaitu melalui baris setiap rangkap, rima dan gaya bahasa. *Sampi* dalam kajian Chemaline (2006) berbentuk sakral, mempunyai rima bebas dan banyak menggunakan metafora. *Sampi* juga dikatakan mempunyai kuasa untuk ritual invokasi kepada *Petara*. Kedudukan *sampi* dalam kajian ini dinyatakan berdasarkan fungsi upacara dan keagamaan. Menurutnya, *leka main* Iban menggunakan metafora untuk menceritakan kecantikan wanita, cara berpakaian, perhiasan dan seumpamanya. Kajian tersebut menyokong dalam membuat analisis unsur yang digunakan dalam maksud tersirat *sampi*. Namun demikian, beliau membuat kajian tersebut menggunakan idea fungsionalis. Tambahan pula, kajian tersebut terlalu umum yakni mengambil kira semua kategori *leka main* suku kaum Iban.

Sandai (2010) mengkaji metafora dalam pantun *sanggai* iaitu puisi yang dinyanyikan untuk menghiburkan dan menjemput tetamu minum wain beras atau tuak. Dalam kajian itu, *sanggai* menekankan keharmonian dan kecantikan bunyi perkataan dalam kumpulan tetapi tiada rima dalam baris *sanggai*. Kajian itu juga menunjukkan metafora yang digunakan ialah bahasa kiasan berbentuk perumpamaan, pepatah dan peribahasa untuk memujuk serta menyindir khalayak yang tidak mahu menerima tuak yang dihidangkan. *Sanggai* dalam kajian itu fokus kepada interpretasi metafora dengan melihat kepada cara metafora diselitkan melalui bentuk dan pola rima. Selain itu, ia turut





mengkaji cara metafora digunakan untuk menghuraikan isi penting dalam perenggan. Oleh itu, ia berbeza dengan kajian dalam *sampi* yang menekankan struktur dalam setiap bahagian utama. Tambahan pula, maksud tersirat dalam *sampi* menganalisis unsur yang digunakan dan bukannya melalui bentuk atau pola rima *sampi*.

Kajian-kajian di atas menjelaskan tentang kajian tradisi lisan yang luas dan tidak memberi perhatian khusus terhadap *sampi*. Di samping itu, kebanyakan kajian tertumpu kepada penggunaan tradisi dalam kepercayaan dan kebudayaan suku kaum Iban. Oleh itu, sebagai lanjutan daripada kajian tersebut, kajian ini hanya memberi perhatian khusus terhadap puisi tradisional kategori invokasi *sampi*. Tambahan pula, kajian ini tidak menyentuh fungsi dan penggunaan *sampi* dalam budaya suku kaum Iban sebaliknya mengkaji lapis bahasa yang membina kerangka *sampi* serta maksud yang diucapkan semasa menyampaikan puisi tersebut.

2.3 Kajian Unsur Bahasa Kiasan Metafora

Masyarakat tradisional sangat kreatif menggunakan unsur sekeliling dalam menyampaikan maksud tertentu. Penggunaan alam dalam bahasa kiasan metafora bukan sesuatu yang baru. Menurut kajian Ding Choo Ming (2009), penggunaan imej alam ini menunjukkan hubungan yang rapat dengan alam semula jadi dalam jiwa, rasa, hati dan raga sesuatu masyarakat. Binaan bahasa kiasan metafora yang menonjolkan tema manusia dan alam semula jadi memperkayakan budaya serta kualiti hidup sesuatu





masyarakat (Ding Choo Ming, 2009). Penciptaannya adalah berdasarkan fenomena sebenar dalam kehidupan masyarakat (Zaitul Azma Zainon & Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011).

Setyo Enturo (2009) menjelaskan bahawa seseorang boleh mempelajari dan menerapkan nilai-nilai positif yang wujud dalam budaya sesuatu etnik. Pembelajaran dan penerapan tersebut dilakukan melalui pemahaman bahasa kiasan metafora yang wujud dalam bahasa kelompok etnik itu. Hal ini kerana kemahiran mengungkapkan bahasa kiasan metafora diwarisi secara turun temurun melalui ruang lingkup yang luas (Asmah Haji Omar, 2005). Ketajaman penglihatan atau pandangan masyarakat dahulu terhadap alam sekeliling menjadikan mereka meletakkan kepentingan alam untuk mendidik dan menyampaikan nasihat menerusi bahasa kiasan metafora. Pengaruh budaya dan alam sekitar ditunjukkan dengan jelas dalam kajian tersebut dengan kewujudan istilah atau frasa tertentu.

Goh Sang Seong (2010) pula berpendapat kedudukan geografi turut mempengaruhi pembentukan bahasa kiasan metafora penduduk. Kajian tersebut mendapati haiwan liar dijadikan sebagai lambang dalam bahasa Mandarin dan bahasa Melayu. Antaranya ialah harimau, kera, anjing, ketam, gajah, kambing, serigala, tikus dan kucing. Haiwan liar seperti harimau dilambangkan sebagai tanda bahaya dan tidak mengenang budi, manakala kera melambangkan kepandaian dan kemahiran. Anjing dilambangkan sebagai orang yang tidak mengenang budi, ketam melambangkan orang yang tidak menunjukkan teladan, gajah sebagai lambang kepada kuasa besar, kambing





dilambangkan sebagai orang yang lemah lembut dan jinak. Serigala melambangkan keganasan dan kezaliman manakala kucing melambangkan ketua atau pihak yang lebih dominan dalam sesuatu kumpulan. Selain itu tikus melambangkan orang bawahan. Kajian sarjana tersebut hanya tertumpu kepada penggunaan haiwan sebagai lambang dalam pembentukan bahasa kiasan. Walau bagaimanapun, unsur haiwan juga digunakan dalam bahasa kiasan metafora *sampi* kerana ia merupakan unsur alam.

Mohd. Rasdi (2011) telah mengkaji beberapa aspek bahasa kiasan metafora yang terdapat dalam bahasa masyarakat Orang Asli suku kaum Semai. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan maksud tersirat dicipta berasaskan alam dan budaya dalam ruang lingkup kehidupan dan pemikiran seharian masyarakat tersebut. Alam dan budaya ini menjadi lambang untuk menghasilkan bahasa kiasan metafora. Dalam kajian ini, Mohd. Rasdi (2011) menjelaskan alam dan budaya ini menjadi lambang mengikut fungsinya. Fungsi bahasa kiasan metafora yang digunakan oleh masyarakat Orang Asli Semai untuk mengukur tahap kemasakan buah, mengukur luas, menentukan kecantikan wanita, sifat dan masa. Bahasa kiasan metafora ini juga digunakan untuk menyatakan jarak dan masa, sifat kepimpinan, sumpah, adat serta kepercayaan. Pendekatan yang digunakan oleh Mohd. Rasdi (2011) membantu melihat penggunaan alam dan budaya dalam mempengaruhi bahasa kiasan metafora yang terdapat dalam *sampi*.

Mohd. Rasdi (2013) juga menyatakan suku kaum Semai menyampaikan maksud dengan menggunakan unsur haiwan sebagai perlambangan. Namun penggunaan unsur haiwan dalam bahasa kiasan metafora telah dikaji terlebih dahulu oleh Rahmawati





Iskandar (2006) serta Rozaimah Rashidin dan Noriza Daud (2009). Kebanyakan haiwan yang digunakan untuk menyampaikan bahasa kiasan metafora ialah haiwan yang dekat dengan kehidupan masyarakat pribumi yakni haiwan ternakan mahupun haiwan buruan atau haiwan liar (Ho-Abdullah, 2011). Oleh itu, ia dirumuskan sebagai alam kerana haiwan juga merupakan unsur alam (Rozaimah Rashidin & Noriza Daud, 2009).

Selain penggunaan haiwan, penggunaan unsur tumbuhan juga digunakan untuk membentuk bahasa kiasan metafora (Resa Sindi Harja, 2014). Antara tumbuhan yang digunakan rotan, akar, batang, aur dan sekam. Penggunaan unsur ini digunakan untuk menyatakan sikap manusia atau budaya sesuatu masyarakat. Resa Sindi Harja (2014) juga menyatakan penggunaan unsur tumbuhan ini kemudian disesuaikan dengan benda bukan alam untuk menyerlahkan keindahan bahasa kiasan metafora tersebut. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, jelaslah bahawa penggunaan bahasa kiasan metafora untuk menyampaikan maksud tertentu memang tidak dapat dipisahkan dalam sesuatu masyarakat di dunia ini. Unsur tumbuhan juga digunakan dalam *sampi* kerana tumbuhan merupakan unsur alam.

Persekitaran kehidupan sesuatu masyarakat yang begitu rapat dengan alam sekitar membolehkan mereka membentuk perlambangan-perlambangan yang sesuai dalam membina ujaran lembut tetapi bermakna. Kemampuan berfikir secara kreatif juga dapat ditonjolkan dengan menyimpang dari pola yang sama dan berfikir di luar rutin yang biasa (Mohd. Azhar Abdul Hamid, 2006). Keadaan ini sedikit sebanyak mempengaruhi





keindahan bahasa yang digunakan dalam penyampaian puisi tradisional. Kemahiran menggunakan bahasa juga mempengaruhi pengucapan dalam struktur *sampi*.

2.4 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan tentang kajian-kajian lepas, mantera merupakan sebahagian daripada cara hidup masyarakat pribumi di Nusantara, Sabah dan Sarawak. Penggunaan mantera kebanyakannya berfungsi dalam kepercayaan tradisi dan sebagai pendinding diri. Selain itu, maksud dalam bahasa atau ayat-ayat yang digunakan juga turut dibincangkan dalam bab ini. Bab ini juga mengetengahkan kajian-kajian lampau yang menyatakan penggunaan unsur alam dan bukan alam disesuaikan untuk membentuk bahasa kiasan metafora. Bahasa kiasan metafora ini menjadikan maksud yang hendak disampaikan tersebut menarik selain menunjukkan kesantunan berbahasa di kalangan masyarakat pribumi. Kajian-kajian tersebut membantu dalam meneliti analisis bahasa kiasan metafora yang diucapkan dalam *sampi* suku kaum Iban.



BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini merangkumi reka bentuk kajian, penjelasan tentang kaedah kajian, sumber data, pengumpulan data dan juga teknik menganalisis data. Instrumen kajian juga dimuatkan dalam bab ini.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif. Fraenkel dan Wallen (1993) menerangkan kajian kualitatif iaitu “kajian penyelidikan yang mengkaji kualiti



perhubungan, aktiviti, situasi dan bahan” (ms. 830). Bahan yang dikaji dalam penyelidikan ini adalah puisi tradisional Iban iaitu *sampi*. Pendekatan kualitatif dalam kajian ini digunakan untuk menerangkan diksi dalam menentukan lapis bahasa *sampi*, jenis ayat yang digunakan dan unsur bahasa kiasan metafora dalam *sampi*.

Selain itu, pendekatan ini menggunakan kaedah deskriptif. Menurut Fraenkel dan Wallen (1993) lagi, “kaedah deskriptif merupakan kaedah yang digunakan untuk menerangkan, menganalisis dan menjelaskan sesuatu melalui teknik pelbagai, survei, temubual dan penelitian” (ms. 23). Kajian ini menerangkan dan menjelaskan struktur dan binaan bahasa kiasan metafora yang diperoleh dari analisis kandungan.



Selain menganalisis lapisan bahasa dan ungkapan yang digunakan dalam *sampi*, kajian ini juga menganalisis bahasa kiasan metafora yang terdapat dalam *sampi*. Kandungan analisis adalah teknik untuk mengambil maklumat yang diinginkan daripada keseluruhan bahan atau data secara sistematik dengan mengenalpasti ciri-ciri spesifik daripada data tersebut (Holsti, 1969; Stone, Dunphy, Smith dan Ogilvie, 1966). Daripada kandungan analisis ini, kajian ini menjelaskan struktur *sampi*.



3.3 Sumber Data

Data kajian ini akan diambil daripada buku *Sampi enggau Biau* yang disusun oleh Robert Menua Saleh dan Janang Ensiring (2001). Terdapat dua buah *sampi* (Rujuk Lampiran A dan B) iaitu:

1. *Sampi Mudas* (Mantera Sesudah Membakar) oleh Ben Anak Asit.
2. *Sampi Gawai Benih / Nurunka Benih* (Mantera Gawai Benih) oleh Migang Anak Megang.

Kajian lapangan tidak diaplikasikan kerana setiap *sampi* yang dilafazkan tidak jauh menyimpang dari sumber yang telah diterbitkan. Tambahan pula, aktiviti penanaman padi bukit semakin berkurangan ekoran suku kaum Iban tidak lagi mengamalkan kehidupan berpindah-randah. Kegiatan ekonomi berubah di mana aktiviti penanaman padi tertumpu di kawasan tanah rendah selain sistem kepercayaan yang turut berubah sejajar dengan perubahan kepercayaan moden.

Buku *Sampi Enggau Biau* dipilih kerana data tersebut memenuhi kitaran perhumaaan kaum Iban dari peringkat pembersihan ladang sehingga proses penyimpanan padi. Buku tersebut juga turut memuatkan *sampi* perhumaaan kaum Iban yang diamalkan ketika melakukan ritual perayaan perhumaaan seperti *Sampi Pandung Gawai Umai* (Mantera Tempat Persembahan Santapan Gawai Huma) dan *Sampi Gawai Benih / Nurunka Benih* (Mantera Gawai Benih). Namun demikian, kajian ini tertumpu kepada



teks *sampi* di peringkat awal perhumaaan dan *sampi* perayaan perhumaaan sesuai dengan faktor pemilihan *sampi* dalam batasan kajian.

3.4 Instrumen Kajian

Data dikumpul melalui pemerhatian skrip invokasi menggunakan analisis kandungan. Teknik analisis kandungan digunakan ketika meneliti teks ucapan *sampi*.

3.4.1 Analisis Kandungan



Analisis kandungan telah digunakan dalam penyelidikan sejak abad ke-18 di Scandinavia (Rosengren, 1981). Penyelidikan kualitatif menggunakan analisis kandungan memfokuskan karakteristik bahasa sebagai komunikasi dengan memberi perhatian kepada kandungan atau makna kontekstual dalam teks (Budd, Thorp & Donohew, 1967; Lindkvist, 1981; McTavish & Pirro, 1990; Tesch, 1990). Teks data mungkin berbentuk verbal, cetakan atau berbentuk elektronik yang diperoleh daripada tindak balas naratif, soal selidik, temubual, pemerhatian, artikel, buku dan kajian bertulis (Kondracki & Wellman, 2002). Analisis kandungan kualitatif juga digunakan untuk mengkaji sejumlah besar teks kepada beberapa kategori yang mewakili persamaan makna (Weber, 1990). Matlamat utama analisis kandungan ialah untuk memberi pengetahuan dan pemahaman terhadap fenomena kajian (Downe-Wamboldt, 1992). Dalam kajian ini, analisis





kandungan merupakan instrumen kajian untuk menganalisis struktur dan makna dalam teks *sampi* melalui proses pengkodan sistematik.

Terdapat dua perkara yang perlu dianalisis dalam struktur *sampi* yakni lapisan bahasa dan jenis ayat. Lapisan bahasa merupakan kategori bahasa yang digunakan dalam pendahuluan, inti dan penutup *sampi*. ‘Lapisan bahasa’ diadaptasi menggunakan kajian Haron Daud (1992a) dalam *Kajian Berdasarkan Mantera*. Manakala ‘jenis ayat’ pula merupakan pernyataan kalimat yang digunakan dalam setiap lapisan bahasa.

Makna yang dikaji dalam kajian ini ialah bahasa kiasan metafora. Bahasa kiasan metafora dikenalpasti berdasarkan penggunaan kata kiasan dalam *sampi*. Kata kiasan tersebut kemudian dikelaskan melalui unsur yang digunakan. Abdullah Yusof, Alias Mohd. Yatim dan Mohd. Ra'in Shaari (2009) mengkategorikan bahasa kiasan metafora terbina berdasarkan pengaruh alam sekeliling yang disesuaikan dengan benda bukan hidup. Oleh demikian, kajian ini menganalisis unsur alam dan unsur bukan alam yang terdapat dalam bahasa kiasan metafora.

3.5 Analisis Data

Data dianalisis dengan menggunakan dua jenis pengkodan. Pengkodan pertama ialah pengkodan terbuka (*open coding*) (rujuk Lampiran C) digunakan untuk mencari corak dan konsep yang menggabungkan setiap bahagian merentasi data. Pengkodan kedua





ialah pengkodan substantif (rujuk Lampiran D) iaitu data di dalam teks dipecahkan kepada bahagian-bahagian yang berasingan, diteliti dengan mendalam dan kemudian dibandingkan untuk dikategorikan.

3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Lapisan bahasa dalam kajian ini diperoleh berpandukan kajian Haron Daod (1992a) iaitu bertabik, pendakwaan diri, tujuan, seruan, suruhan dan doa restu. Dapatan menunjukkan terdapat dua lapisan bahasa yang ditemui yakni pernyataan persembahan sesaji (*piring*) dan dialog dengan *Petara* (Dewa-dewi). Manakala seruan pula dibahagikan kepada dua jenis, iaitu seruan permulaan di bahagian pendahuluan dan seruan di bahagian isi. Jenis ayat yang dikenal pasti ialah ayat seruan, pernyataan, pertanyaan dan permohonan. Ayat-ayat tersebut mengukuhkan penggunaan lapisan bahasan di bahagian pendahuluan, isi dan penutup *sampi*.


Bahasa kiasan metafora dalam *sampi* dianalisis menggunakan teori linguistic kognitif (Lakoff & Johnson, 1980). Berdasarkan teori tersebut, bahasa merupakan suatu lambang, sehingga setiap bentuk bahasa dianggap mempunyai makna serta mempunyai unsur yang membentuknya (Lakoff & Johnson, 1980). Berdasarkan teori ini, unsur alam dan bukan alam yang digunakan dalam bahasa kiasan metafora *sampi*. Dengan erti kata lain, ranah sumber (*source domain*) digunakan manusia untuk memahami konsep abstrak dalam ranah sasaran (*target domain*) (Lakoff & Johnson, 1980). Konteks alam dan





budaya yang mendasari kewujudan bahasa kiasan metafora menjadikan teks data mudah dikenal pasti

3.7 Carta Gantt Penyelidikan



Rajah 3.1. Carta Gantt Penyelidikan

3.8 Kesimpulan

Bab ini menjelaskan metodologi dan sumber data yang digunakan semasa menjalankan penyelidikan. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan secara kualitatif iaitu dengan kaedah deskriptif. Analisis kandungan telah digunakan untuk mencari kehendak objektif kajian. Penerangan setiap elemen dalam bab ini dimulai dengan reka bentuk kajian sehingga teknik penganalisan data. Kesahan dan kebolehpercayaan turut dijelaskan dalam bab ini diikuti dengan carta Gantt penyelidikan.





BAB 4

DAPATAN KAJIAN



4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dapatan kajian yang diperolehi daripada data melalui buku *Sampi Enggau Biau* susunan Robert Menua Saleh dan Janang Ensiring (2001). Data yang dipilih merupakan *sampi* perhumaan dan ritual perayaan perhumaan suku kaum Iban.

Dalam kajian ini, data ditulis semula menggunakan sistem ejaan Bahasa Iban baru yang kemudiaannya diterjemahkan secara kasar dalam Bahasa Melayu untuk memudahkan pemahaman pembaca semasa pemprosesan maklumat. Maklumat yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah berdasarkan soalan kajian iaitu:





- i. Apakah lapisan bahasa yang terkandung dalam pembinaan struktur *sampi*?
- ii. Bagaimanakah ayat membina struktur dalam *sampi*?
- iii. Apakah unsur yang terdapat dalam bahasa kiasan metafora *sampi*?

4.2 Lapisan Bahasa dalam Struktur *Sampi*

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam kerangka teori, soalan kajian yang pertama dianalisis dengan mengimplementasikan teori sistemik-fungsional. Selain daripada Osmah Haji Omar (2008), Abrams (1981) memberikan erti struktur sastera sebagai “susunan, penegasan dan gambaran semua bahan dan bahagian yang membentuk menjadi komponen” (ms. 68). Pengertian ini dipersetujui oleh Burhan (2005) kerana “setiap bahagian penting dalam memberi erti terhadap keseluruhan karya sastera” (ms. 36). Bahagian ini termasuk lapisan bahasa yang membangun tiga struktur utama yakni a) pendahuluan, b) isi dan c) penutup dalam *sampi*. Berikut ialah dapatan yang diperolehi.

4.2.1 Lapisan Bahasa dalam Bahagian Pendahuluan *Sampi*

Lapisan bahasa yang dikenal pasti dalam bahagian pendahuluan ialah seruan permulaan, bertabik dan pengenalan diri. Seruan permulaan ialah seruan yang digunakan untuk menyeru nama *Petara* (Dewa-dewi). Bertabik pula ialah tindakan merendahkan diri di





hadapan *Petara* (Dewa-dewi). Manakala pengenalan diri ialah pengakuan pengamal *sampi* berhubung dengan *sampi* yang dilafazkan.

4.2.1.1 Seruan Permulaan

Kajian ini menunjukkan enam buah *sampi* yang mempunyai seruan permulaan. Seruan permulaan ini dipercayai ditujukan kepada tujuh *Petara* (Dewa-dewi) Iban agar mereka mendengar doa dan seruan anak manusia (Sarawak Iban Writers Association, 2014). Terdapat dua jenis seruan permulaan dalam kajian ini iaitu seruan yang dimulai dengan bilangan satu hingga tujuh dan laungan “*O ha!*” sebanyak tujuh kali. Kedua-dua seruan ini dilafazkan pada awal baris. Seruan yang menggunakan bilangan ialah *Sampi Mudas* (Mantera selepas membakar) seperti di bawah:

Sa! Dua! Tiga! Empat! Lima! Enam! Tujuh!

Manakala seruan yang melaungkan “*O ha!*” terdapat dalam *Sampi Gawai Benih/Nurunka Benih* (Mantera Gawai Benih). Seruan “*O ha!*” dilaungkan sebanyak tujuh kali seperti berikut:

O ha! O ha! O ha! O ha! O ha! O ha! O ha!





4.2.1.2 Bertabik

Bertabik merupakan perbuatan tukang jampi memberikan ucapan hormat kepada yang berkuasa. Suku kaum Iban menyatakan rasa hormat kepada *Petara* (Dewa-dewi) melalui kata-kata atau dengan menggunakan ayam sebagai lambang.

Sampi yang menggunakan ayam sebagai lambang ialah *Sampi Mudas* (Mantera selepas membakar). Manakala *Sampi Gawai Benih/Nurunka Benih* (Mantera Gawai Benih) tidak menggunakan lapisan bahasa bertabik. Contoh bahasa bertabik dalam *Sampi Mudas* (Mantera selepas membakar) ialah seperti di bawah:

Baka nya mih aku

Megai manuk ayam manuk pinan

Manuk biring manuk menaning

Burik kesa tuntung belaja

(Terjemahan: Seperti itulah aku, memegang ayam jantan)



4.2.1.3 Pengenalan Diri

Pengenalan diri merupakan pengakuan tukang jampi kepada *Petara* (Dewa-dewi). Tukang jampi mengaku bahawa *sampi* yang dilafazkan diwarisi melalui tradisi nenek moyang. Oleh itu perkataan yang digunakan mereka dalam *sampi* ialah seperti, *bisi chuan* (mempunyai pedoman), dan *ingatka jaku semaya* (mengingati perjanjian). Contoh di bawah merupakan pengenalan diri yang digunakan dalam kedua-dua buah *sampi*.





Jadual 4.1

Lapisan Bahasa Pengenalan Diri dalam Sampi

<i>Sampi Mudar</i> (Mantera selepas membakar)	<i>Sampi Gawai Benih/Nurunka Benih</i> (Mantera Gawai Benih)
<i>Aku ke megai tu baka nya ga</i> <i>Ukai aku megai ngapa megai pia</i> <i>Aku ga bisi chuan bisi teladan</i> <i>Bisi dititi bisi ditali</i> (Terjemahan: Aku yang memegang, bukan saja ku pegang, kerana aku mempunyai teladan, yang diwarisi)	<i>Laban kami ingatka jaku semaya duu</i> <i>Ingatka danji terubah nyadi</i> <i>Ingatka semaya enggau Sempulang</i> <i>Gana</i> (Terjemahan: Kerana mengingatkan perjanjian dahulu, perjanjian pertama dengan <i>Sempulang Gana</i>)

**4.2.2 Lapisan Bahasa dalam Bahagian Isi Sampi**

Lapisan bahasa yang terdapat dalam bahagian isi ialah tujuan, seruan, persembahan sajian (*piring*), suruhan dan dialog dengan *Petara* (Dewa-dewi). Tujuan ialah pernyataan maksud *sampi* dilakukan. Seruan pula panggilan kepada *Petara* (Dewa-dewi), spirit dan juga kepada Burung Kihanatan. Persembahan sajian ialah persembahan makanan dan minuman yang digunakan dalam pemujaan dikenali sebagai *piring*. Manakala suruhan ialah permintaan untuk melakukan sesuatu dan dialog dengan *Petara* ialah tindakan tukang jampi mengajuk kata-kata *Petara* (Dewa-dewi) seolah-olah *Petara* mendengar dan menjawab *sampi* tersebut.



4.2.2.1 Tujuan

Tujuan setiap *sampi* dinyatakan untuk memberi penjelasan maksud kepada keseluruhan *sampi*. Berikut merupakan tujuan yang dilafazkan dalam kedua-dua *sampi*:

Jadual 4.2

Lapisan Bahasa Tujuan dalam Sampi

<i>Sampi Mudas</i> (Mantera selepas membakar)	<i>Sampi Gawai Benih/Nurunka Benih</i> (Mantera Gawai Benih)
<i>Uu, nugal kami tu aki wai</i> <i>Ka nanam padi pun padi taun</i> <i>Nanam padi sangking padi puting</i> <i>Ka ngeripih mata benih</i> (Terjemahan: Uu, hari ini kami menyemai padi, hendak tanam padi sulung, padi tahun, padi <i>sangking</i> , padi <i>puting</i> , hendak menyusun mata benih)	<i>Laban taun diatu orang udah nunu</i> <i>tegalan nunu emperan</i> <i>Nunu uma nunu antara</i> <i>Udah betanam orang nya ngelabuhka</i> <i>benih</i> <i>Nya kebuah sida ngangau sida mesau</i> <i>Sida madah sida nelah</i> (Terjemahan: Kerana sekarang waktu membakar huma, hendak bertanam menurunkan benih, sebab itu mereka menyeru)

Berdasarkan jadual tersebut, maksud keseluruhan *Sampi Mudas* ialah selepas membakar suku kaum Iban hendak melakukan pekerjaan menanam padi. Oleh hal yang demikian, pengamal *sampi* menyeru para dewa (*Petara*) untuk turut menyaksikan aktiviti yang hendak dijalankan. Manakala, dalam *Sampi Gawai Benih* pula suku kaum Iban menyatakan pekerjaan yang hendak dilakukan yakni menyemai benih seterusnya melakukan pekerjaan menanam padi. Pengamal *sampi* menyatakan bahawa hari tersebut



merupakan hari yang sesuai untuk menanam padi dan meminta *Petara* (Dewa-dewi) memberkati pekerjaan mereka.

4.2.2.2 Seruan

Seruan dalam kajian ini merupakan seruan kepada *Petara* (Dewa-dewi), spirit dan Burung Kihanatan. Seruan yang pertama oleh pengamal *sampi* merupakan seruan kepada *Petara*. Selain seruan kepada *Petara* (Dewa-dewi), para entiti atau spirit lain seperti Dewa Padi, Ribut dan sebagainya turut diseru dalam *sampi*. Berikut merupakan sebahagian dapatan yang diperoleh dalam lapisan bahasa seruan:



Jadual 4.3

Lapisan Bahasa Seruan dalam Sampi

Lapisan Bahasa	<i>Sampi Mudas</i> (Mantera selepas membakar)	<i>Sampi Gawai Benih/Nurunka Benih</i> (Mantera Gawai Benih)
Seruan kepada <i>Petara</i>	<i>Lalu kangau orang di ...</i> <i>Nya ga menua Laja Suka Tau Tenung</i> <i>Nadai apai dikumbai Tuai Burung</i> (Terjemahan: Lalu menyeru orang di ... Dunia <i>Laja Suka Pandai Tenung</i>, tiada bapa digelar Ketua Burung)	<i>Petara bedau datai Sempulang Gana bedau dipeda ...</i> <i>Oh nya Nuan diau di umai tu</i> (Terjemahan: <i>Petara</i> belum datang, <i>Sempulang Gana</i> belum kelihatan ... Oh, itu <i>Sempulang Gana</i>, engkau tinggal di huma)

(bersambung)



Jadual 4.3 (*sambungan*)

Lapisan Bahasa	<i>Sampi Mudas</i> (Mantera selepas membakar)	<i>Sampi Gawai Benih/Nurunka Benih</i> (Mantera Gawai Benih)
Seruan kepada Burung Kihanatan	<i>Ngangauka nuan Nendak Burung Bagak Bagas Bejaku</i> (Terjemahan: Serulah <i>Nendak</i> si Burung Murai)	<i>Oh ke agi dikangauka kitai ngiga burung</i> <i>Ni nuan Nendak Dan Sapak</i> (Terjemahan: Mari kita menyeru burung, mana engkau <i>Nendak Dan Sapak</i> ;
Seruan kepada semangat / spirit	<i>Baru aku ngangauka Kumang Jawai Serantai Tali Sabut Bunsu Benih Putih Padi Pulut</i> (Terjemahan: Kemudian aku menyeru Dewi Benih Putih Padi Pulut)	<i>Ni ribut ke dikumbai ke dilambai ribut</i> (Terjemahan: Mana ribut yang diseru dilambai)

4.2.2.3 Persembahan Sajian (*Piring*)

Persembahan santapan atau *piring* turut dinyatakan dalam *sampi*. Pengamal *sampi* menyatakan *piring* telah disediakan untuk meneruskan upacara *sampi*. Persembahan sajian (*piring*) dalam *Sampi Gawai Benih/Nurunka Benih* (Mantera Gawai Benih) tidak dinyatakan manakala persembahan sajian (*piring*) dalam *Sampi Mudas* (Mantera selepas membakar) adalah seperti di bawah:

Nya alai perengka udah chukup sedia nadai ketimpang

Piring udah chukup adang sedia nadai bisi kurang

(Terjemahan: Semua *piring* sudah disediakan secukupnya, tidak lebih tidak kurang)



4.2.2.4 Suruhan

Suruhan merupakan perintah kepada kuasa berkenaan untuk menunaikan sesuatu yang diinginkan (Haron Daud, 2001). Dalam *sampi* biasanya pengamal *sampi* menyuruh kuasa berkenaan untuk datang sambil membawa tangkal atau azimat. Contoh bahasa suruhan yang terdapat dalam kedua-dua *sampi* ialah seperti di bawah:

Jadual 4.4

Lapisan Bahasa Suruhan dalam Sampi

<i>Sampi Mudas (Mantera selepas membakar)</i>	<i>Sampi Gawai Benih/Nurunka Benih (Mantera Gawai Benih)</i>
<i>Nya alai kita ke ngabang baka nya ga</i> <i>Ari ili mudik sebuah bangkung</i> <i>Ari ulu undur sebuah bung</i> <i>Ari tanah nyenguk naka punggung</i> <i>Ari langit nilik naka rekung</i> <i>Anang tubuh nyuang tubuh sebatang</i> <i>Anang tubuh empurus tubuh lebus</i> <i>Mai ubat teruba ingat</i> <i>Mai batu teruba nemu</i> <i>Mai pengaruh gembar tubuh</i> <i>Anang nyeridaka ngapa</i> <i>Engkah di tikai engkah di balai</i> <i>Engkah di chawan engkah di talam</i> <i>Selitka di piring selikapka di ketupat</i> <i>Ngambi kena peda kena tela</i> <i>Ngambi kena pegai kena japai</i> <i>Ngambi kena simpan kena genggam</i> <i>Kena saduh kena taruh.</i> <i>Nya alai baka nya ga kita</i> <i>Ngabang begulung tikai bekesai lantai</i>	<i>Anang kita datai ngapa datai saja</i> <i>Utai ke dibai kita</i> <i>Anang engkah di puchuk mambung</i> <i>puchuk entepung</i> <i>Anang engkah sebelah batang sebelah</i> <i>rangkang</i> <i>Tabur unsai ka!</i> <i>Pemenga chit pemenga pipit</i> <i>Pemenga alau pemenga pipit</i> <i>Pemenga alau pemenga empangau</i> <i>Pemenga buntak pemenga pasak</i> <i>Pemenga utai ke ka ngachau umai</i> <i>Tabur unsai ka ditu</i> (Terjemahan: Jangan hadir begitu sahaja, barang yang kalian bawa, jangan diletak di pokok <i>mambung</i>, jangan diletak di sebelah batang, taburlah! Ubat yang membuatkan tikus, pipit, serangga, ulat, belalang takut, taburlah ubat itu di sini)

(bersambung)



Jadual 4.4 (sambungan)

Sampi Mudas (Mantera selepas membakar) *Sampi Gawai Benih/Nurunka Benih*
(Mantera Gawai Benih)

Betambit pintu bekalang alu

(Terjemahan: Sekiranya kamu datang, datanglah beramai-ramai. Dari hulu penuh sebuah kapal, begitu juga dari hilir. Dari tanah dan atas langit juga harus datang. Jangan datang dengan tangan kosong, tetapi bawalah sekali tangkal dan azimat. Semuanya harus diletakkan dengan cermat supaya dapat dilihat dan dicapai, dapat disimpan dan digenggam. Gulunglah tikarmu, tutuplah pintumu dan datang beramai-ramai)



4.2.2.5 Dialog dengan *Petara*

Dalam bahagian isi juga terdapat dialog antara pengamal *sampi* dengan *Petara* (Dewadewi). Dialog tersebut diajuk oleh pengamal *sampi* seolah-olah wujudnya komunikasi timbal balik. Dialog ini dilakukan untuk mendapatkan kepastian samada dalam pertanyaan mahupun dalam permintaan oleh individu yang mengadakan ritual *sampi*. Dialog antara pengamal *sampi* dengan *Petara* ditunjukkan di bawah:



Jadual 4.5

Lapisan Bahasa Dialog dengan Petara dalam Sampi

<i>Sampi Mudas</i> (Mantera selepas membakar)		<i>Sampi Gawai Benih/Nurunka Benih</i> (Mantera Gawai Benih)	
Manusia:	<i>Udah nya dih</i> <i>Kati enti bulan Lima</i> <i>Tau ngelabuh sempuli padi</i> <i>saba?</i> (Terjemahan: Bolehkah kami menurunkan benih pada bulan Lima)	Petara:	<i>“Nama kita mai piring</i> <i>mai ading</i> <i>Mai pedara mai pegela</i> <i>Mai jani mai bimbi</i> <i>Mai arak mai tuak?”</i> (Terjemahan: Apakah kalian membawa persembahan sajian?)
Petara :	<i>“Bulan Lima enda tau uchu</i> <i>Nya timpuh orang begawai</i> <i>numbuhka pengawa</i> <i>Agi tinggang reba asi</i> <i>lumpang.”</i> (Terjemahan: Tidak boleh cucu. Bulan Lima merupakan tempoh perayaan)	Manusia:	<i>Oh kami tu mansang</i> <i>bumai</i> (Terjemahan: Kami ingin berhuma)

Berdasarkan jadual tersebut, pengamal *sampi* dalam *Sampi Mudas* ingin mendapatkan kepastian samada bulan Lima sesuai untuk melakukan penanaman padi kepada *Petara*. Manakala, dalam *Sampi Gawai Benih* pula, *Petara* mendapatkan kepastian daripada manusia samada mereka membawa persembahan atau pun tidak tetapi manusia menjawab sebaliknya yakni mereka ingin berhuma. Hal ini menunjukkan pertanyaan untuk mendapatkan kepastian tidak terhad kepada manusia sahaja yakni *Petara* turut dibenarkan untuk bertanya.

4.2.3 Lapisan Bahasa dalam Bahagian Penutup *Sampi*

Dalam bahagian penutup pula, lapisan bahasa yang dikenal pasti ialah doa restu. Doa restu ialah permintaan dan harapan untuk kehidupan pada masa akan datang atau selepas *sampi* dilafazkan. Pengamal *sampi* biasanya mendoakan agar mereka beroleh umur yang panjang, kesihatan yang baik, kekayaan dan kesejahteraan hidup. Mereka juga mendoakan agar generasi mereka yang seterusnya menjadi orang yang boleh dibanggakan. Penutup dalam *sampi* adalah seperti di bawah:

Jadual 4.6

Lapisan Bahasa Doa Restu dalam Sampi

<i>Sampi Mudas</i> (Mantera selepas membakar)	<i>Sampi Gawai Benih/Nurunka Benih</i> (Mantera Gawai Benih)
---	--

Kami lantang senang nguan menua
Bulih padi bulih pengeraja
Gerai ku Selempandai
Gayu ku antu
Nadai apa ku petara
(Terjemahan: Kami senang di dunia
Padi menjadi dan kaya raya
Sihat dan panjang umur senantiasa)

Ngambika padi tau nyadi ari tisi
nyentuk ke tisi
Ari pala nyentuk ke kaki
Beguling niti tinting
Begulung niti kerung
Galak nengah lebak
Ngambika ila pun nadai dibalut rumput
Buah enda digusak ribut
Batang enda ditunjang semut
(Terjemahan: Agar padi tumbuh subur,
dari kepala hingga ke kaki, tumbuh
subur di lereng, tidak dibaluti rumput,
tidak tergoyangkan oleh rebuk, tidak
terpijak oleh semut)

4.3 Ayat yang Membina Struktur *Sampi*

Jadual 4.7 menunjukkan empat jenis ayat yang dikenal pasti dalam *sampi* serta bagaimana ayat-ayat tersebut berfungsi dalam lapisan bahasa di setiap bahagian-bahagian utama *sampi* yakni bahagian pendahuluan, isi dan penutup.

Jadual 4.7

Jenis Ayat dalam Lapisan Bahasa Sampi

Jenis Ayat	Penggunaan dalam lapisan bahasa	Contoh
------------	---------------------------------	--------

Ayat seruan **Bahagian pendahuluan:**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

seruan permulaan

*Sa! Dua! Tiga! Empat! Lima! Enam! Tujuh!**O ha! O ha! O ha! O ha! O ha! O ha! O ha!*

Bahagian isi:

seruan kepada *Petara*,
entiti dan spirit

*Petara bedau datai**Sempulang Gana bedau dipeda ...**Oh nya**Nuan diau di umai tu*

(Terjemahan: *Petara* belum datang,
Sempulang Gana belum kelihatan ... Oh,
itu *Sempulang Gana*, engkau tinggal di
huma)

Ayat
penyata

Bahagian pendahuluan:

Bertabik

*Baka nya mih aku**Megai manuk ayam manuk pinan**Manuk biring manuk menaning**Burik kesa tuntung belaja*

(Terjemahan: Seperti itulah aku, memegang
ayam jantan)

(bersambung)



Jadual 4.7 (sambungan)

Jenis Ayat	Penggunaan dalam lapisan bahasa	Contoh
	Pengenalan diri	<i>Aku ke megai tu baka nya ga</i> <i>Ukai aku megai ngapa megai pia</i> <i>Aku ga bisi chuan bisi teladan</i> <i>Bisi dititi bisi ditali</i> (Terjemahan: Aku yang memegang, bukan saja ku pegang, kerana aku mempunyai teladan, yang diwarisi)
Ayat nyata	Bahagian isi: Tujuan	<i>Laban taun diatu orang udah nunu tegalan</i> <i>nunu emperan</i> <i>Nunu uma nunu antara</i> <i>Udah betanam orang nya ngelabuhka benih</i> <i>Nya kebuah sida ngangau sida mesau</i> <i>Sida madah sida nelah</i> (Terjemahan: Kerana sekarang waktu membakar huma, hendak bertanam menurunkan benih, sebab itu mereka menyeru)
	Persembahan sajian (Piring)	<i>Nya alai perengka udah chukup sedia nadai ketimpang</i> <i>Piring udah chukup adang sedia nadai bisi kurang</i> (Terjemahan: Semua piring sudah disediakan secukupnya, tidak lebih tidak kurang) <i>Petara : “Bulan Lima enda tau uchu</i> <i>Nya timpuh orang begawai</i> <i>numbuhka pengawa</i> <i>Agi tinggang reba asi</i> <i>lumpang.”</i> (Terjemahan: Tidak boleh cucu. Bulan Lima merupakan tempoh perayaan)

(bersambung)





Jadual 4.7 (sambungan)

Jenis Ayat	Penggunaan dalam lapisan bahasa	Contoh
Ayat tanya	Bahagian isi: Dialog dengan <i>Petara</i>	<i>Petara:</i> “<i>Nama kita mai piring mai ading Mai pedara mai pegela Mai jani mai bimbi Mai arak mai tuak?</i>” (Terjemahan: “Apakah kalian membawa persembahan sajian?”)
Ayat perintah	Bahagian isi: Suruhan	<i>Anang kita datai ngapa datai saja Utai ke dibai kita Anang engkah di puchuk mambung puchuk entepung Anang engkah sebelah batang sebelah rangkang Tabur unsai ka!</i> (Terjemahan: Jangan hadir begitu sahaja, barang yang kalian bawa, jangan diletak di pokok <i>mambung</i>, jangan diletak di sebelah batang, taburlah!)
	Bahagian penutup: Doa restu	<i>Kami lantang senang nguan menua Bulih padi bulih pengeraja Gerai ku Selempandai Gayu ku antu Nadai apa ku petara</i> (Terjemahan: Kami senang di dunia, padi menjadi dan kaya raya, sihat kata selempandai, panjang umur kata roh hantu, tiada apa-apa kata Dewa-dewi)





4.4 Unsur dalam Bahasa Kiasan Metafora *Sampi*

Kajian ini mendapati bahawa kebanyakan bahasa kiasan metafora dalam *sampi* adalah berteraskan alam dan budaya suku kaum Iban. Alam dan budaya ini disesuaikan dengan unsur ciptaan manusia untuk menyatakan maksud sebenar dalam *sampi*. Berdasarkan teori kognitif linguistik Lakoff-Johnson, domain sumber (*source domain*) bagi metafora ialah berkonsepkan alam dan bukan alam untuk mencapai domain sasaran (*target domain*) yakni maksud sebenar metafora tersebut. Berdasarkan dapatan yang diperoleh, *Sampi Mudas* (Mantera selepas membakar) lebih banyak menggunakan bahasa kiasan metafora berbanding *Sampi Gawai Benih/Nurunka Benih* (Mantera Gawai Benih).

Berikut merupakan beberapa bahasa kiasan metafora yang menggunakan unsur alam dan bukan alam dalam *sampi* yang dikaji.



4.4.1 Warisan Tradisi

Pengamal *sampi* menggunakan kombinasi unsur alam dan bukan alam dalam pengenalan diri menyatakan mereka mewarisi tradisi *nyampi* (bermantera) mengikut adat yang diturunkan dari nenek moyang zaman-berzaman. Bahasa kiasan metafora ini digunakan dalam *Sampi Mudas* (Mantera selepas membakar) seperti ditunjukkan di bawah:





Tu ga baka paku sulur gelung

Baka tubu surung rebung

Baka wi tampung tali

Baka rutan tampung danan

Baka ijuk tampung penduk

(Terjemahan: kami umpama pucuk paku disulur gelung, seperti rebung disurung buluh, bagai rotan disambung tali, seperti *ijuk* disambung *penduk*)

Unsur alam yang digunakan dalam maksud tersirat di atas ialah pucuk paku, rebung, buluh, rotan (*wi* dan *rutan*), *ijuk* (pokok kabung) dan *penduk* (pokok bunga hutan). Manakala unsur bukan alam atau bahan ciptaan manusia ialah gelung dan tali.

Selain penggunaan unsur alam tersebut, suku kaum Iban juga menyatakan mereka



mewarisi *sampi* menggunakan periuk tanah, kain batik, bulan dan matahari seperti yang terdapat dalam *Sampi Mudar* (Mantera selepas membakar) di bawah:

Nya alai pechah periuk tanah ganti periuk petani

Charik kain batik ganti labung betawi

Padam bulan ganti matahari

Parai sida ke tuai ganti kami ke dudi

(Terjemahan: Oleh itu pecah periuk tanah diganti periuk pusaka, koyak kain batik diganti selendang indah, padam bulan diganti matahari, tiada yang tua diganti kami yang baru)

Bahasa kiasan ini juga menunjukkan erti bahawa yang hilang pasti berganti. Ini menunjukkan *sampi* diwarisi dari generasi ke generasi. Unsur alam yang digunakan dalam maksud tersirat ini ialah bulan dan matahari. Manakala unsur bukan alam ialah periuk dan kain selendang.





4.4.2 Merendahkan Diri

Bahasa kiasan metafora juga digunakan untuk merendahkan diri semasa menyeru *Petara* (dewa-dewi). Bahasa kiasan metafora yang digunakan untuk menyatakan maksud tersirat itu diperoleh dalam ialah *Sampi Mudas* (Mantera selepas membakar) seperti berikut:

Lenyau baka ambun labuh bemiang

Lela baka ambun belayar midang

(Terjemahan: hilang seperti embun jatuh bermiang, lesap seperti embun tidak diketahui belayar)



Bahasa kiasan metafora tersebut menggambarkan manusia tidak lebih berkuasa daripada Tuhan. Suku kaum Iban menganggap diri mereka sangat kecil dibandingkan dengan kehebatan *Petara*. Mereka mengumpamakan diri mereka seperti embun yang pasti jatuh dan hilang. Unsur alam yang digunakan dalam pernyataan maksud tersirat ini ialah embun.

4.4.3 Persembahan Sajian (*Piring*)

Bahasa kiasan metafora juga digunakan untuk menyampaikan persembahan sajian (*piring*) yang disediakan semasa mengamalkan *sampi*. Persembahan sajian tersebut dinyatakan dalam *Sampi Mudas* (Mantera selepas membakar) seperti berikut:





Piring Letup udah ga bisi dia

Baka tangkup bunga kejumpang.

Piring penganan udah ga meruan

Baka bulan perenama rumpang

(Terjemahan: Sajian *letup* disediakan ibarat kelopak bunga *kejumpang*, sajian kuih pun sudah ada laksana bulan purnama)

Berdasarkan bahasa kiasan tersebut, suku kaum Iban memberi yang terbaik dalam persembahan sajian sehingga mengibaratkan persembahan tersebut dengan unsur alam iaitu kelopak bunga dan bulan purnama.

4.4.4 Kehebatan Perwira



Kehebatan lelaki yang dipuji oleh pengamal merupakan perwira suku kaum Iban yang diseru dalam *sampi*. Kehebatan perwira ini diperoleh dalam *Sampi Mudas* (Mantera selepas membakar) dan digambarkan seperti berikut:

Rajang nunggang baka tugang langgai manuk,

Rajang nunggang baka tugang manuk jelayan

Bungkung ngembung renjung-renjung baka serumbung kelita tuan

(Terjemahan: Keperwiraannya laksana ekor ayam jantan yang berjurai panjang, keperkasaannya laksana ekor ayam jantan yang bercorak menarik, kejantanannya menjulang tinggi seperti serombong pelita tuan.)

Kehebatan perwira suku kaum Iban diibaratkan seperti ayam jantan untuk menyerlahkan kejantanan atau kelelakian mereka.





4.4.5 Kecantikan Wanita

Suku kaum Iban juga menggunakan bahasa kiasan metafora untuk menyatakan kecantikan wanita. Wanita yang dimaksudkan kebanyakan isteri para Dewa, isteri para entiti dan isteri Burung Kihanatan. Antara bahasa kiasan metafora yang digunakan untuk memuji isteri Burung Kihanatan dalam *Sampi Mudar* (Mantera selepas membakar) adalah seperti di bawah:

Dara Ranchak Kumang Sinak
Berumah di Tanah Punchak Lebak
Kayak-kayak baka cherindak tanggi dianyam
 (Terjemahan: Dewi ceria *Kumang Beremas* tinggal di *Tanah Punchak Lebak* lemah gemalai seperti lebarnya anyaman tudung)

Dara Gauk Kumang Lemuk
Berumah di Puchuk Raba Naruk
Lenuk-lenuk baka penuduk bini tuan
 (Terjemahan: Dewi peramah *Kumang Lemuk* yang tinggal di poko *Raba Naruk* duduk lemah lembut seperti isteri tuan)

Dara rumpas Kumang Beremas
Berumah di puchuk Kempas Meringgas
Baka pulas tekuyung kaban
 (Terjemahan: Dewi remaja *Kumang Beremas* yang tinggal di pokok *Kempas Meringgas* laksana lingkaran sekawan siput.)

Kecantikan isteri Burung Kihanatan dalam *sampi* di atas digambarkan melalui sifat luaran seperti cara berjalan, duduk dan ikatan sanggulnya. Cara berjalan digambarkan seperti tudung yang melambai-lambai menunjukkan isteri Burung Kihanatan berjalan dengan lemah gemalai. Cara duduk digambarkan seperti isteri tuan yang kelihatan sopan. Manakala ikatan sanggul diibaratkan dengan cangkerang siput





yang kemas dan menarik. Unsur alam dalam bahasa kiasan ini ialah isteri tuan dan siput manakala unsur bukan alam ialah tudung.

4.4.6 Kehadiran Orang Ramai

Bahasa kiasan metafora juga digunakan untuk menyatakan kehadiran orang yang ramai. Pengamal *sampi* menggunakan bahasa kiasan metafora tersebut untuk menunjukkan para dewa, entiti atau spirit yang diseru datang beramai-ramai ke upacara yang diadakan pada hari itu. Keriuhan orang yang dijemput ditunjukkan dalam *Sampi Gawai Benih/Nurunka Benih* (Mantera Gawai Benih) seperti di bawah:



Enti baka tu bedau mayuh kitai

Baka beluh kambuh enseluang

Bedau banyak kitai

Baka kerupak tungkul pisang

(Terjemahan: Kita masih belum ramai seperti *beluh* mengelirukan *enseluang*, kita masih belum ramai seperti kelopak jantung pisang)

Berdasarkan maklumat tersebut, orang yang ramai diumpamakan seperti ikan *beluh* – sejenis ikan air tawar yang bersisik mengelirukan ikan *enseluang* yang juga hampir sama dengan ikan *beluh*. Kehadiran orang ramai turut diumpamakan seperti kelopak jantung pisang. Unsur alam yang digunakan dalam bahasa kiasan metafora ini ialah ikan dan jantung pisang.





4.4.7 Hasil Padi

Hasil padi yang lumayan juga turut dilafazkan dalam bentuk tersirat. Tanaman yang dimaksudkan ialah padi. Bahasa kiasan metafora yang digunakan untuk menggambarkan hasil padi diperoleh dalam *Sampi Gawai Benih/Nurunka Benih* (Mantera Gawai Benih) ditunjukkan seperti di bawah:

*Nya baru padi kita tak sebaka nadai nawang
Kita ngingatka semaya enggau Bintang Banyak
Tumbuh di awak langit burak
Baka lantak peti belulang*

(Terjemahan: Perjanjian dengan Bintang Banyak yang sentiasa diingat menjadikan benih padi berisi seperti telah dilekatkan di peti besi)



Bahasa kiasan metafora seperti dilekatkan di peti besi menggambarkan padi berisi lekat di tangkai. Bahasa kiasan metafora ini menggunakan unsur ciptaan manusia yakni peti besi.

4.5 Kesimpulan

Bab ini membincangkan dapatan kajian yang menjawab soalan kajian. Terdapat tiga dapatan yang diperoleh iaitu lapisan bahasa yang terdapat dalam tiga bahagian utama *sampi*, jenis ayat yang digunakan dalam pembangunan struktur *sampi* dan penggunaan





unsur alam serta bukan alam dalam bahasa kiasan metafora *sampi*. Objektif kajian yang pertama dan kedua diperoleh dengan mengimplikasikan teori sistemik-fungsional manakala teori linguistik kognitif Lakoff-Johnson diaplikasikan untuk mendapatkan objektif yang ketiga.

Dalam dapatan yang pertama, lapisan bahasa yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah seruan permulaan, bertabik, pengenalan diri, tujuan, persembahan sajian (*piring*), suruhan, dialog dengan *Petara* dan permohonan doa restu. Manakala dapatan kajian yang kedua menunjukkan keempat-empat jenis ayat digunakan dalam pembinaan lapisan bahasa *sampi*. Empat jenis ayat yang dimaksudkan ialah ayat seruan, ayat penyata, ayat tanya dan ayat perintah.



Bahasa kiasan metafora yang diperoleh dalam kajian ini pula menunjukkan unsur alam dan bukan alam digunakan untuk menyatakan warisan tradisi, merendahkan diri, persembahan sajian (*piring*), kehebatan perwira, kecantikan wanita, kehadiran orang ramai dan hasil padi.





BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN



5.1 Pengenalan

Bab ini memberikan gambaran penuh bagi kajian ini. Kajian ini membincangkan dapatan yang diperoleh berdasarkan tiga soalan kajian iaitu:

- i. Apakah lapisan bahasa yang terkandung dalam pembinaan struktur *sampi*?
- ii. Bagaimanakah ungkapan membina struktur dalam *sampi*?
- iii. Apakah unsur yang terdapat dalam ungkapan maksud tersirat *sampi*?

Selain daripada itu, bab ini turut membincangkan batasan kajian dan sumbangan. Implikasi yang terdapat dalam penyelidikan ini turut dibincangkan dan diikuti dengan





cadangan kajian seterusnya. Akhir sekali, kesimpulan bagi keseluruhan kajian turut dijelaskan dalam bab ini.

5.2 Perbincangan Kajian

Kajian ini membincangkan tiga perkara yang terdapat dalam soalan kajian yakni lapisan bahasa, jenis ayat dan bahasa kiasan metafora. Setiap soalan kajian dibincangkan secara berasingan untuk menjelaskan dapatan kajian secara terperinci.



5.2.1 Lapisan Bahasa dalam Struktur *Sampi*

Dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga lapisan bahasa yang digunakan dalam pendahuluan *sampi* iaitu seruan permulaan, bertabik dan pengenalan diri. Manakala dalam bahagian isi *sampi*, lapisan bahasa yang digunakan ialah tujuan, seruan, persembahan sajian (*piring*), suruhan dan dialog dengan *Petara* (Dewa-dewi). Akhir sekali, lapisan bahasa yang terdapat dalam penutup *sampi* ialah doa restu. Jadual 5.1 memaparkan ringkasan dapatan kajian dalam kajian ini.





Jadual 5.1

Ringkasan Lapisan Bahasa dalam Struktur Sampi

Struktur utama	Lapisan bahasa	Kata kunci	<i>Sampi</i>
Pengenalan	Seruan permulaan	Penggunaan bilangan	<i>Sampi Mudas</i> (Mantera selepas membakar) <i>Sampi Gawai Benih / Nurunka Benih</i> (Mantera Gawai Benih)
		Laungan <i>O ha</i>	
	Bertabik	Ayam sebagai lambang	<i>Sampi Mudas</i> (Mantera selepas membakar)
Isi	Pengenalan diri	Mengikut tradisi	<i>Sampi Mudas</i> (Mantera selepas membakar) <i>Sampi Gawai Benih / Nurunka Benih</i> (Mantera Gawai Benih)
	Tujuan	Pernyataan langsung	<i>Sampi Mudas</i> (Mantera selepas membakar) <i>Sampi Gawai Benih / Nurunka Benih</i> (Mantera Gawai Benih)
	Seruan	Seruan kepada <i>Petara</i>	<i>Sampi Mudas</i> (Mantera selepas membakar)
		Seruan kepada entiti/spirit	<i>Sampi Gawai Benih / Nurunka Benih</i> (Mantera Gawai Benih)
		Seruan kepada Burung Kihanatan	
	Persembahan sajian (<i>piring</i>)	Pernyataan persembahan sajian (<i>piring</i>)	<i>Sampi Mudas</i> (Mantera selepas membakar)
	Suruhan	Permohonan	<i>Sampi Mudas</i> (Mantera selepas membakar) <i>Sampi Gawai Benih / Nurunka Benih</i> (Mantera Gawai Benih)
Penutup	Dialog dengan <i>Petara</i>	Mendapatkan kepastian	<i>Sampi Mudas</i> (Mantera selepas membakar) <i>Sampi Gawai Benih / Nurunka Benih</i> (Mantera Gawai Benih)
	Doa restu	Kesejahteraan hidup, kekayaan (rezeki), kesihatan dan umur panjang	<i>Sampi Mudas</i> (Mantera selepas membakar) <i>Sampi Gawai Benih / Nurunka Benih</i> (Mantera Gawai Benih)





Di bahagian pendahuluan *sampi*, tiga lapisan bahasan yang digunakan ialah seruan permulaan, bertabik dan pendakwaan diri. Terdapat dua jenis seruan permulaan yang digunakan dalam *sampi* iaitu seruan yang menggunakan bilangan satu hingga tujuh dan seruan yang melaungkan *O ha!*. Bagi suku kaum Iban, seruan permulaan ini merupakan seruan kepada tujuh *Petara* Iban iaitu *Sengalang Burung* (Dewa Perang), *Raja Menjaya* (Dewa Perubatan), *Raja Simpulang Gana* (Dewa Tanah), *Raja Biku Bunsu Petara* (Dewa Segala Sumber), *Raja Selempandai / Selempeta / Selempetoh* (Dewa Pencipta), *Raja Anda Mara* (Dewa Kekayaan) dan *Ini Inda / Ini Inee / Ini Andan* (Dewi Keadilan). Maksud seruan tersebut dijelaskan dalam buku *Biau Enggau Sampi* (Robert Menua Salleh & Janang Ensiring, 2001; Sarawak Writers Association, 2014). Jadual 5.1



menunjukkan lapisan bahasa seruan di bahagian pendahuluan dilafazkan di dalam kedua-dua *sampi*.

Kemudian suku kaum Iban memberi tabik kepada *Petara* (Dewa-dewi) menggunakan ayam sebagai tanda hormat dan bertabik kepada *Petara*. Dalam *sampi*, ayam tidak semestinya digunakan semasa upacara ritual diadakan. Namun demikian, pengamal *sampi* masih melafazkan ayam digunakan. Tujuannya adalah untuk memberitahu bahawa mereka menyampaikan pesanan anak manusia kepada *Petara* melalui ayam. Ayam yang digunakan biasanya ayam jantan yang terdiri dari baka yang baik. Bertabik digunakan di dalam *Sampi Mudas* (Mantera selepas membakar) sahaja. Ini menunjukkan bahasa bertabik yang digunakan bergantung kepada kemahiran pengamal *sampi*.





Welly Setiawan (2014) menerangkan mantera digunakan untuk menyeru dan memuja Yang Berkuasa sesuai dengan keinginan umat manusia. Selepas menyeru pengamal *sampi* memberi penghormatan dengan bertabik kepada Yang Maha Tinggi atau kepada roh-roh yang dipercayai. Dalam *sampi*, pengamal menyeru dan memuja dengan memberi tabik kepada spirit dan para dewa (*petara*). Tujuan lapisan bahasa tersebut dilafazkan adalah sebagai tanda dimana manusia menghormati kekuasaan dan berusaha kembali kepada Tuhan (Ibid).

Simoons (1991) menegaskan bahawa “ayam bukan sahaja digunakan untuk tujuan masakan tetapi untuk mendapatkan bekalan dalam aktiviti laga ayam dan tujuan penyucian atau tilikan” (ms. 298). Justeru Awang Azman Awang Pawi (2013) menjelaskan kaum Iban menganggap “ayam merupakan salah satu cara bertabik bagi tujuan penyucian untuk mencapai tujuan mereka” (ms. 149). Berdasarkan pendapat sarjana tersebut, ayam disebut dalam *sampi* untuk tujuan memberi penghormatan serta tabik kepada *Petara* (Dewa-dewi).

Pengenalan diri yang dilafazkan di kedua-dua buah *sampi* adalah untuk menyatakan bahawa amalan tersebut diwarisi dari zaman nenek moyang. Pengenalan ini juga bertujuan untuk mengingati perjanjian yang telah diajar melalui folklor Sera Gunting. Pengenalan diri juga bertujuan sebagai pengakuan bahawa hanya Tuhan yang menentukan segala sesuatu bahawa manusia menyerah dan pasrah sepenuhnya (Welly Setiawan, 2014). Sesuai dengan itu, takut kepada spirit dan para dewa (*petara*) mendorong suku kaum Iban mengakui bahawa mereka mengamalkan amalan *sampi* sejak





turun temurun. Pengamal *sampi* membuat pengenalan diri untuk menjauhkan diri daripada kemarahan spirit dan para dewa (*petara*).

Lapisan bahasa dalam bahagian isi ialah tujuan, seruan, persembahan sajian (*piring*), suruhan dan dialog dengan *Petara* (tujuh buah *sampi*). Tujuan merupakan isi penting kerana lapisan ini meliputi maksud keseluruhan *sampi*. Kartika Setyawati (2006) menerangkan setiap puisi doa tradisional yang dikenali sebagai mantera mempunyai keunikan sesuai dengan keperluan dan tujuannya. Keperluan dan tujuan ini dilafazkan untuk mendapat kekebalan, menarik perhatian orang tertentu, sebagai permohonan kepada Yang Maha Tinggi atau dari roh yang dipercayai, mendapatkan kekuatan dan lain-lain.



Seruan sekali lagi dilafazkan di bahagian isi. Seruan di bahagian ini lebih khusus iaitu dengan menyeru *Petara* (Dewa-dewi), para entiti atau spirit serta Burung Kihanatan. *Petara* yang kerap diseru dalam kajian ini ialah *Sengalang Burung* (Dewa Perang) dan *Raja Sempulang Gana* (Dewa Tanah). Entiti atau spirit yang diseru pula terdiri daripada *Bunsu*, penduduk *Panggau Libau*, roh nenek moyang (*niang*), semangat padi, Bintang Tiga dan Bintang Banyak. Seruan yang terakhir ialah seruan kepada Burung Kihanatan iaitu *Ketupung* (Burung Belatuk Kerdil), *Beragai* (Burung Kesumba Puteri), *Bejampung* (Burung Belatuk Menjerit), *Pangkas* (Burung Belatuk Punggur), *Embuas* (Burung Pekaka Riang Rimba), *Papau* (Burung Kesumba Diard) dan *Nendak* (Burung Murai Batu).





Suku kaum Iban menyeru secara khusus yakni dengan menyebut nama-nama *Petara* seperti *Raja Sengalang Burung* (Dewa Perang) dan *Sempulang Gana* (Dewa Tanah) semasa berhuma adalah kerana ia satu perintah daripada *Raja Singalang Burong* sendiri dalam folklor Sera Gunting (Sandin, 1980). Rahimah (2010) turut berpendapat menyebut secara khusus mampu menguatkan keyakinan Yang Berkuasa terhadap kepercayaan umat manusia. Seruan secara khusus juga merupakan salah satu cara untuk mendekatkan diri dengan kuasa tersebut dan memudahkan permintaan umat manusia dikabulkan (Haron Daud, 2001). Oleh itu, suku kaum Iban bukan sahaja menyeru nama *Petara* (Dewa-dewi), tetapi turut menyeru nama-nama spirit atau entiti dan juga burung kihanatan yang berkait rapat dengan folklor Sera Gunting.



Seterusnya pengamal menyatakan persembahan sajian yang dikenali *piring* dalam *sampi*. *Piring* disediakan dalam bentuk makanan dan minuman seperti nasi, sireh, rokok, pinang serta air *tuak* iaitu sejenis minuman yang diperbuat daripada ragi. Pengamal *sampi* mengatakan “*piring chukup bansa chukup perengka*” menandakan persembahan sajian sudah disediakan secukupnya. Namun demikian, pernyataan *piring* digunakan *Sampi Mudas* (Mantera selepas membakar) sahaja. Menurut Robert Menua Saleh dan Janang Ensiring (2001) amalan *sampi* tidak semestinya mempunyai *piring* atau persembahan sajian.

Freeman (1961) pernah menyatakan “segala permintaan yang dipohon terutamanya ketika berhuma dalam amalan Auguri harus disertai dengan persembahan santapan (*piring*) atau korban atau kedua-duanya sekali” (ms. 157). Persembahan tersebut





disertai dengan ucapan *sampi* untuk keberkatan (Freeman, 1961). Sehubungan itu, pengamal *sampi* menyenaraikan peralatan *piring* untuk menagih perhatian daripada *Petara* (Dewa-dewi) dalam *sampi*. Sekiranya perbuatan tersebut dapat membantu mereka untuk memohon bantuan dan mendapatkan sesuatu, persembahan sajian perlu dinyatakan (Anna Durin, 2011).

Suruhan merupakan arahan, perintah atau permohonan umat manusia kepada yang berkuasa. Dalam kajian ini, lapisan bahasa suruhan menjelaskan supaya para dewa yang telah diseru datang beramai-ramai untuk menyaksikan pekerjaan manusia pada hari tersebut. Mereka mengatakan “*ngabang begulung tikai bekesai lantai, betambit pintu bekalang alu*” bermaksud para dewa dan entiti atau spirit yang diseru harus datang sekalipun hanya menunjukkan kepala sahaja. Dalam lapisan bahasa suruhan juga, pengamal memastikan para dewa tersebut datang dengan membawa ubat, azimat atau tangkal untuk kesuburan hasil huma.

Haron Daud (2001) menyatakan suruhan merupakan penegasan daripada pernyataan tujuan yang mana isi dan tujuan sesuatu mantera dijelaskan. Oleh itu, ia merupakan perintah supaya *Petara* (Dewa-dewi), entiti dan juga Burung Kihantanan menunaikan permintaan suku kaum Iban sesuai dengan tujuan *sampi*. Perbezaan mantera Melayu tradisional dengan *sampi* suku kaum Iban ialah bahasa lapisan suruhan dalam mantera Melayu lebih menjurus kepada perintah agar kuasa tersebut keluar dari tempat yang bukan asalnya. Dalam mantera yang dikaji oleh Haron Daud (1992a) suruhan digunakan untuk memerintah kuasa dengan tegas. Namun dalam *sampi* dalam kajian ini,





suruhan digunakan untuk menjemput kuasa dating menyaksikan pekerjaan tersebut selain permintaan membawa tangkal atau azimat.

Dialog dengan *Petara* atau para dewa juga terdapat dalam bahagian isi *sampi*. Dialog ini bertujuan untuk mendapatkan kepastian dan dinyatakan seolah-olah doa suku kaum Iban dijawab oleh *Petara*. Suku kaum Iban merujuk kepada *Petara* (Dewa-dewi) dengan panggilan “*aki*” bermaksud datuk. Dalam dialog tersebut, suku kaum Iban bertanya samada *Aki* boleh datang pada hari tersebut atau sebaliknya. *Aki* menjawab pertanyaan tersebut seolah-olah komunikasi dua hala wujud di antara mereka. Dialog ini tidak juga digunakan untuk menjawab soalan yang dikemukakan kepada pengamal *sampi* seperti yang dinyatakan dalam teks *Sampi Gawai Benih / Nurunka Benih* (Mantera Gawai Benih). Dalam *sampi* tersebut, *Petara* (Dewa-dewi) memulakan soalan kepada suku kaum Iban.

Awang Azman Awang Pawi (2013) menyatakan suku kaum Iban sangat mempercayai *lemambang* yakni pengamal *sampi*. *Lemambang* mempunyai kuasa luar biasa (*supernatural*) iaitu boleh berhubung dengan kuasa ghaib (Awang Azman Awang Pawi, 2013). Oleh hal yang demikian, tidak hairanlah pengamal *sampi* atau *lemambang* mampu berkomunikasi dengan *Petara* (Dewa-dewi) ketika melafazkan *sampi*. Dialog dengan *Petara* (Dewa-dewi) menunjukkan kuasa luar biasa terdapat dalam diri *lemambang*. Dengan adanya kuasa luar biasa ini, *lemambang* bebas bertanya kepada *Petara* (Dewa-dewi) untuk mendapatkan kepastian.





Lapisan bahasa yang terakhir sekali ialah doa restu di bahagian penutup. Doa restu terdiri daripada permohonan untuk mendapatkan kesejahteraan hidup, kekayaan (rezeki), kesihatan dan umur panjang. Bagi Haron Daud (2001), penutup biasanya dikaitkan dengan Yang Berkuasa untuk menggambarkan kekuasaanNya yakni kuasa tersebut bertanggungjawab ke atas kesaktian mantera. Namun demikian hal ini berbeza dengan *sampi*. Permohonan kesejahteraan hidup dilafazkan di semua *sampi* yang dikaji walaupun ada diantara *sampi* yang mengaitkannya dengan kekuasaan *Petara* (Dewadewi).

5.2.2 Jenis Ayat yang Membina Struktur *Sampi*



Terdapat empat jenis ayat yang digunakan dalam struktur *sampi* berdasarkan dapatan kajian. Antaranya ialah ayat penyata, ayat seruan, ayat tanya dan ayat perintah. Jadual 5.2 menunjukkan ringkasan dapatan kajian.

Jadual 5.2

Jenis Ayat dalam Struktur Sampi

Bahagian utama	Lapisan bahasa	Jenis Ayat
Pendahuluan	Seruan permulaan	Ayat seruan
	Bertabik	Ayat Penyata
	Pengenalan diri	Ayat Penyata

(besambung)



Jadual 5.2 (*sambungan*)

Bahagian utama	Lapisan bahasa	Jenis Ayat
Isi	Tujuan	Ayat Penyata
	Seruan	Ayat Seruan
	Persembahan sajian (<i>piring</i>)	Ayat Penyata
	Suruhan	Ayat Perintah
	Dialog dengan <i>Petara</i>	Ayat Tanya
		Ayat Penyata
Penutup	Doa restu	Ayat Perintah

Ayat terletak di skala paling tinggi dalam nahu bahasa (Asmah Haji Omar, 2008).

Maka, tidak hairanlah sekiranya ayat berupaya berdiri sendiri, mempunyai pola dan terdiri daripada klausa bebas (Kridalaksana, 2001). Ayat memainkan peranan penting dalam pembentukan lapisan bahasa *sampi* di bahagian pendahuluan, isi dan penutup. Kewujudan struktur ayat adalah kerana golongan kata membentuk lapisan bahasa yang disusun berdasarkan aturan-aturan yang hendak disampaikan penutur secara berperingkat dan berterusan (Kridalaksana, 2001). Manakala ayat merupakan gagasan yang dibangun dalam golongan tersebut.

Jenis ayat jelas kelihatan bergandingan dengan lapisan bahasa yang terdapat dalam *sampi*. Berdasarkan Jadual 5.2, ayat seruan digunakan sesuai dengan fungsinya yakni untuk menyeru *Petara* di bahagian permulaan dan di bahagian isi. Ayat penyata digunakan ketika bertabik dan membuat pengenalan diri di bahagian pendahuluan *sampi*.



Ayat penyata turut digunakan untuk menyatakan tujuan, persembahan sajian (*piring*) dan ketika menjawab pertanyaan di lapisan bahasa dialog dengan *Petara* (Dewa-dewi). Ayat tanya digunakan ketika berdialog dengan *Petara* manakala ayat perintah digunakan di lapisan bahasa suruhan dan permohonan doa restu.

Badudu (1994) menegaskan ujaran yang baik memiliki struktur dan posisi yang jelas. Tambahnya lagi, setiap posisi mempunyai unsur yang saling berhubungan antara satu sama lain. Oleh hal yang demikian, ujaran yang digunakan sesuai dengan jenis ayat dalam lapisan bahasa sekaligus meletakkan lapisan bahasa tersebut di posisi yang betul dalam struktur *sampi*. Berdasarkan Jadual 5.2, ayat-ayat tersebut disesuaikan berdasarkan konteks lapisan bahasa dalam aturan struktur *sampi*. Sebagai contoh, lapisan bahasa bagi doa restu menggunakan ayat perintah. Ayat perintah boleh digunakan untuk memohon keberkatan daripada *Petara* (Dewa-dewi) agar merestui perkara yang dilakukan suku kaum Iban pada hari tersebut. Ayat penyata merupakan golongan ayat terbesar yang membangun lapisan bahasa dalam *sampi* yang mana ayat tersebut digunakan dalam menyatakan bertabik, pengenalan diri, tujuan, persembahan sajian (*piring*) dan jawapan dalam dialog dengan *Petara* (Dewa-dewi). Ayat jenis ini dikenali sebagai tanda perhatian (Stryker, 1969 dalam Tarigan, 1981).

Pendapat Badudu (1994) menguatkan kajian Dardjowidjojo (1988) yang menjelaskan bahawa wujud urutan kata yang disusun sesuai dengan situasi. Urutan kata ini menentukan jenis ayat yang hendak digunapakai oleh penutur atau pengama *sampi*. Berdasarkan teori sistemik-fungsional, jenis ayat ini membentuk sistem yang mana





lapisan bahasa kemudiannya membentuk unit atau subsistem sehingga dapat dilihat dengan jelas melalui konteks dan situasi (Asmah Haji Omar, 2008). Dalam *sampi* wujud komunikasi dua hala ketika pengamal *sampi* bertanya untuk mendapatkan kepastian dan soalan-soalan tersebut dijawab oleh *Petara* yang diwakilkan sendiri olehnya. Oleh hal yang demikian, wujud ayat tanya dan ayat penyata berdasarkan konteks dan situasi. Analisis jenis ayat dalam kajian ini menepati teori sistemik-fungsional yang dinyatakan oleh Asmah Haji Omar (2008) yang melihat kepada keseluruhan bahan kajian yakni sistem dalam teks *sampi* dapat dilihat dari yang sebesar-besarnya sehingga ke yang sekecil-kecilnya. *Sampi* tersebut mempunyai komponen-komponen dengan bahasa sebagai lambang sebagai suatu sistem.



5.2.3 Unsur yang Membina Maksud Tersirat dalam *Sampi*

Dalam dapatan kajian, unsur alam dan unsur bukan alam banyak digunakan dalam pembentukan maksud tersirat. Antara unsur alam yang digunakan ialah *paku* (pucuk paku), *rebung* (rebung), *wi* (rotan), *ijuk* (pokok kabung), *penduk* (pokok bunga hutan), *rutan* (rotan), *danau* (tali rotan), bulan, matahari, *ambun* (embun), *tangkup bunga kejumpang* (kelopak bunga), *manuk* (ayam jantan), *bini tuan* (isteri orang terhormat), *tekuyung* (siput), ikan sungai (*beluh* dan *enseluang*), dan *tungkul pisang* (jantung pisang). Manakala unsur bukan alam yang digunakan ialah *gelung* (dawai gulung), *tali* (tali), *periuk* (periuk), kain selendang, dan *peti belulang* (peti besi). Unsur bukan alam dalam





kajian ini merujuk kepada unsur yang boleh dibuat oleh manusia. Berdasarkan unsur tersebut, unsur alam paling banyak digunakan dalam membentuk maksud tersirat *sampi*.

Rutan (rotan), *danan* (tali rotan), dan *wi* (rotan) merupakan tumbuhan menjalar yang boleh digunakan untuk membuat tali (Leornad, Sutlive dan Edmund 2011). *Ijuk* merupakan sejenis pokok kabung atau palma yang pelepahnya boleh dibuat tali dan penyapu (Phang Wien Ho et al., 1983) manakala *penduk* ialah sejenis pokok yang menghasilkan bunga berbau busuk dan kulitnya boleh dibuat tali (Turner, 2010). Kelima-lima tumbuhan ini mempunyai satu persamaan iaitu boleh digunakan untuk membuat tali. Oleh hal yang demikian, suku kaum Iban melambangkan tumbuhan ini sebagai warisan tradisi dalam ungkapan pendakwaan diri.



Ambun atau embun digunakan dalam ungkapan bertabik ketika merendahkan diri. Contohnya '*lela baka ambun belayar midang*' (lesap seperti embun belayar tidak diketahui belayar) yang membawa maksud kehebatan suku kaum Iban sangat rendah jika dibandingkan dengan kekuasaan *Petara* (Dewa-dewi). Bulan dan kelopak bunga (*tangkup bunga kejumpang*) digunakan sebagai lambang keindahan persembahan sajian yang disediakan untuk *Petara* (Dewa-dewi).

Ayam jantan (*manuk*) merupakan unsur alam yang melambangkan kehebatan perwira atau pahlawan suku kaum Iban. Aktiviti laga ayam turut diamalkan oleh suku kaum Iban di Sarawak pada suatu ketika dahulu (Pauline, 2007). Melihat kepada ketangkasan ayam jantan, suku kaum Iban turut melambangkan kejantanan pahlawan



Iban menggunakan corak dari ekor ayam jantan. Suku kaum Iban turut memuji kecantikan wanita Iban berdasarkan tingkah laku. Kecantikan ini diibaratkan melalui ikatan sanggul yang menyerupai cangkerang *tekuyung* (siput) dan kesopan seperti *bini tuan* (isteri orang terhormat). Kehebatan perwira dan kecantikan wanita diungkapkan dalam lapisan bahasa seruan di bahagian isi ketika menjemput *Petara* (Dewa-dewi), entiti dan roh serta Burung Kihanatan. Turut dijemput ialah para pahlawan Iban terutamanya Keling dan kawan-kawan dari *Panggau Libau* dan isteri Burung Kihanatan.

Selain itu juga, unsur alam dan bukan alam turut digunakan untuk melambangkan kehadiran orang ramai. Unsur alam yang digunakan untuk melambangkan kehadiran orang ramai ialah *tungkul pisang* (jantung pisang) dan ikan sungai (*beluh* dan *enseluang*).

Kehadiran orang ramai diungkapkan dalam seruan di bahagian isi yakni ketika menjemput semua orang termasuklah *Petara* (Dewa-dewi), entiti, roh, semangat, Burung Kihanatan, wirawan dan wirawati.

Peti belulang (peti besi) merupakan unsur bukan alam yang digunakan untuk membawa maksud keberhasilan padi. *Baka lantak peti belulang* (seperti dilekatkan di peti besi) membawa maksud benih padi melekat dengan baik di tangkainya. Bahasa kiasan ini diungkapkan dalam lapisan bahasa doa restu di bahagian penutup.

Berdasarkan ungkapan-ungkapan maksud tersirat tersebut, kajian ini menyokong pendapat Zaitul Azma Zainon dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011) bahawa bahasa kiasan diungkapkan dengan bersumberkan alam semesta. Menurut teori linguistik



kognitif pula, domain sumber (*source domain*) yang digunakan mendasari bahasa kiasan metafora dalam *sampi* ini terdiri daripada unsur alam dan bukan alam. Unsur-unsur ini biasanya mempunyai hubungan yang erat di kalangan suku kaum Iban sehingga mereka berupaya menggunakan unsur tersebut dalam mewujudkan makna tersirat. Domain sumber yang digunakan dalam kajian ini digunakan untuk melambangkan makna tersurat atau domain sasaran (*target domain*).

Dalam kajian Mohd. Rasdi (2011) unsur haiwan turut digunakan untuk mengungkapkan bahasa kiasan metafora. Kajian ini mendapati terdapat dua unsur haiwan yang digunakan iaitu *manuk* atau ayam jantan dan ikan sungai (*beluh* dan *enseluang*). Kajian ini juga selaras dengan pandangan Asmah Haji Omar (2005) bahawa bahasa kiasan wujud melalui kemahiran manusia menilai dan melihat alam sekeliling melalui ruang yang luas dan merentasi zaman.

Sebagai kesimpulan, kajian mendapati unsur alam dan bukan alam memainkan peranan yang besar dalam mencetuskan bahasa kiasan metafora *sampi* Iban. dapati ini menyokong teori linguistik kognitif yang melihat bahawa bahasa merupakan suatu lambang, sehingga setiap bentuk bahasa dianggap mempunyai makna serta mempunyai unsur yang membentuknya (Lakoff & Johnson, 1980). Peranan konteks dan situasi yang diaplikasikan dalam teori sistemi-fungsional turut membantu dalam proses pentafsiran makna yang dizahirkan melalui pandangan alam sekeliling dan budaya sesuatu masyarakat. Kajian turut menyokong ideologi Julian Edward (dalam Hashim Awang, 1998) bahawa masyarakat masih dipengaruhi oleh persekitaran.



5.3 Rumusan Kajian

Rumusan kajian ini merupakan ringkasan dapatan kajian yang telah diperolehi. Ringkasan ini dijelaskan seperti di bawah ini.

5.3.1 Lapisan Bahasa *Sampi*

Dapatan kajian menunjukkan terdapat sembilan lapisan bahasa yang terdapat dalam pendahuluan, isi dan penutup *sampi*. Tiga lapisan bahasa di bahagian pendahuluan ialah seruan permulaan, bertabik dan pengenalan diri. Dalam seruan permulaan, pengamal *sampi* menyeru dengan melafazkan ‘*Sa! Dua! Tiga! Empat! Lima! Enam! Tujuh!*’ atau menggunakan ungkapan ‘*O ha!*’ sebanyak tujuh kali. Kedua-duanya mempunyai persamaan iaitu menyeru tujuh *Petara* (Dewa-dewi) Iban. Dalam lapisan bahasa bertabik pula, pengamal *sampi* boleh menunjukkan rasa hormat dan kagum terhadap kekuasaan *Petara* secara langsung atau menggunakan ayam sebagai simbolik. Manakala, pengenalan diri dilafazkan untuk menyatakan bahawa mereka mengamalkan *sampi* mengikut tradisi.

Terdapat lima lapisan bahasa yang dikenal pasti di bahagian isi *sampi* iaitu tujuan, seruan, persembahan sajian (*piring*), suruhan dan dialog dengan *Petara*. Tujuan boleh dilafazkan untuk menyatakan maksud isi hati pengamal *sampi*. Seruan di bahagian isi *sampi* lebih khusus berbanding seruan permulaan. Di dalam lapisan bahasa seruan,



pengamal *sampi* menyeru *Petara*, entiti atau spirit dan Burung Kihanatan. Seruan ini diikuti dengan lapisan bahasa persembahan sajian (*piring*). Manakala, lapisan bahasa suruhan ialah permintaan kepada yang berkuasa untuk melakukan kehendak mereka. Lapisan bahasa terakhir di bahagian isi ialah dialog dengan *Petara*. Lapisan bahasa ini digunakan untuk mendapatkan kepastian tentang perkara yang hendak dilakukan.

Lapisan bahasa di bahagian penutup *sampi* ialah doa restu. Pengamal *sampi* berdoa untuk mendapat keberkatan di dalam hidup. Antara permohonan tersebut ialah kesejahteraan hidup, kekayaan (rezeki), kesihatan dan panjang umur.



Jenis ayat yang digunakan dalam *sampi* ialah ayat nyata, ayat seruan, ayat tanya dan ayat perintah. Ayat seru dan ayat nyata digunakan di bahagian pendahuluan iaitu . dalam lapisan bahasa seruan permulaan, bertabik dan menyatakan pengenalan diri.

Di bahagian isi pula, ayat nyata sekali lagi digunakan untuk menyatakan tujuan dan persembahan sajian (*piring*). Begitu juga dengan ayat seru yang digunakan dalam lapisan bahasa seruan. Ayat perintah digunakan dalam lapisan bahasa suruhan ketika pengamal *sampi* memohon agar *Petara* (dewa-dewi) mengikuti kehendak mereka. Ayat tanya dan ayat nyata digunakan ketika berdialog dengan *Petara*. Akhir sekali, ayat perintah digunakan sekali lagi dalam permohonan doa restu.





5.3.3 Unsur dalam Bahasa Kiasan Metafora *Sampi*

Unsur yang digunakan dalam maksud tersirat ialah unsur alam dan unsur bukan alam. Unsur alam yang digunakan dalam bahasa kiasan metafora ialah alam semesta, tumbuhan, haiwan dan manusia. Unsur manusia yang dimaksudkan ialah orang yang disegani oleh suku kaum Iban. Manakala unsur bukan alam terdiri daripada bahan ciptaan manusia. Bahasa kiasan metafora juga dibentuk berdasarkan gabungan kedua-dua unsur. Unsur-unsur tersebut digunakan untuk menyatakan warisan tradisi, merendahkan diri, persembahan sajian (*piring*), kehebatan perwira, kecantikan wanita, kehadiran orang ramai dan hasil padi.



5.4 Sumbangan Kajian

Kajian ini tertumpu kepada struktur, jenis ayat dan bahasa kiasan metafora *sampi*. Melalui kajian ini generasi kontemporari mengetahui kerangka yang membina struktur *sampi*. Dengan adanya pengetahuan tersebut, mereka boleh mengamalkan aktiviti tersebut tanpa mendapatkan panduan daripada orang yang lebih tua. Melalui kajian ini juga, masyarakat boleh menggunakan unsur alam dan bukan alam dalam pembentukan bahasa kiasan metafora. Struktur yang didapati dalam kajian ini senang dipraktikkan terutamanya ketika kepada mereka yang masih mengamalkan kepercayaan tradisi.





Di samping itu, dapatan turut memberi sumbangan kepada organisasi pendidikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sastera Bahasa Iban. Para pendidik terutamanya di sekolah-sekolah yang mengajar subjek Bahasa Iban boleh meluaskan pengetahuan mereka dalam pengajaran sastera Bahasa Iban.

Kajian ini turut memberi sumbangan yang mendalam tentang tradisi lisan terutamanya dalam *sampi* Iban kerana kajian ini dimuatkan dengan sumber literatur berkaitan dengan tradisi lisan masyarakat pribumi. Setiap penemuan dalam kajian ini juga mengukuhkan teori sedia ada.

Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai salah satu langkah mengekalkan kebudayaan tradisi lisan Iban. Pengekalan tradisi lisan membantu masyarakat memahami dan mengetahui sejarah, kepercayaan asal serta pemikiran budaya suatu ketika dahulu. Sekiranya masyarakat tidak menyedari kepentingan tradisi sendiri samada secara aktif atau kurang aktif, tradisi lisan kehilangan fungsi dalam kehidupan sosial (Mohd. Taib Osman, 1989).

5.5 Implikasi Kajian

Dapatan kajian untuk soalan kajian pertama menunjukkan sembilan lapisan bahasa yang digunakan di dalam *sampi* iaitu seruan permulaan, bertabik, pengenalan diri, tujuan, seruan, persembahan sajian (*piring*), suruhan, dialog dengan *Petara* (para dewa) dan doa





restu. Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, *Sampi Mudas* (Mantera selepas membakar) menggunakan kesembilan lapisan bahasa. Manakala *Sampi Gawai Benih* / *Nurunka Benih* (Mantera Gawai Benih) tidak menggunakan lapisan bahasa bertabik dan persembahan sajian (*piring*). Implikasi kajian ini mendapati lapisan bahasa berupaya menjadi landasan kepada pengamal melafazkan *sampi* tanpa bantuan pakar.

Jenis ayat yang terdapat dalam kajian ini ialah ayat seruan, ayat penyata, ayat tanya dan ayat perintah. Dapatan menunjukkan ayat-ayat yang digunakan bergantung kepada lapisan bahasa di dalam *sampi*. Sehubungan itu, implikasi kedua kajian ini ialah jenis ayat yang digunakan di dalam struktur *sampi* tertakluk kepada kemahiran pengamal *sampi* menggunakan lapisan bahasa. Ayat-ayat yang digunakan di dalam *sampi* mempunyai corak yang sama dengan lapisan bahasa menunjukkan pengamal mampu mengenal pasti jenis ayat yang digunakan dalam mengucapkan kata-kata *sampi* berdasarkan lapisan bahasa tersebut. Implikasi ini mengukuhkan implikasi pertama.

